



KEMENTERIAN KEWANGAN

LAPORAN PASARAN HARTA *PROPERTY MARKET REPORT*



JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA
VALUATION AND PROPERTY SERVICES DEPARTMENT
KEMENTERIAN KEWANGAN
MINISTRY OF FINANCE

LAPORAN PASARAN HARTA
2025

PROPERTY MARKET REPORT
2025

JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA
KEMENTERIAN KEWANGAN

VALUATION AND PROPERTY SERVICES DEPARTMENT
MINISTRY OF FINANCE

Diterbitkan oleh

Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Kementerian Kewangan
Aras 7, Perbendaharaan 2
No. 7, Persiaran Perdana
Presint 2
62592 PUTRAJAYA

Published by

*National Property Information Centre (NAPIC)
Valuation and Property Services Department
Ministry Of Finance
Level 7, Perbendaharaan 2
No. 7, Persiaran Perdana
Precinct 2
62592 PUTRAJAYA*

Tel. : 03 - 8886 9000

Fax : 03 - 8886 9007

Hak Cipta Terpelihara 2026

Copyright Reserved 2026

Boleh dimuat turun daripada <https://napic.jp-ph.gov.my>
Downloadable from <https://napic.jp-ph.gov.my>

Disclaimer: The information in this report is true and correct at the time of publishing.

KANDUNGAN CONTENTS

GAMBARAN KESELURUHAN PASARAN HARTA DI MALAYSIA BAGI 2025 overview 1
AN OVERVIEW OF THE MALAYSIAN PROPERTY MARKET IN 2025

Jadual	I	Bilangan Transaksi Harta Tanah Mengikut Subsektor dan Lingkungan Harga overview 44	
Table		<i>Number of Property Transactions by Sub-Sector and Price Range</i>	
	II	Nilai Transaksi Harta Tanah Mengikut Subsektor dan Lingkungan Harga (RM Juta) overview 46	
		<i>Value of Property Transactions by Sub-Sector and Price Range (RM Million)</i>	
	III	Bilangan Transaksi Harta Tanah Mengikut Negeri dan Tempoh Masa overview 48	
		<i>Number of Property Transactions by State and Time Period</i>	
	IV	Nilai Transaksi Harta Tanah Mengikut Negeri dan Tempoh Masa (RM Juta) overview 51	
		<i>Value of Property Transactions by State and Time Period (RM Million)</i>	
	V	Bilangan Transaksi Harta Tanah Mengikut Kategori Pemberi dan Penerima Pindah Milik overview 54	
		<i>Number of Property Transactions by Category of Transferor and Transferee</i>	
	VI	Nilai Transaksi Harta Tanah Mengikut Kategori Pemberi Pindah Milik dan Penerima Pindah Milik (RM Juta) overview 56	
		<i>Value of Property Transactions by Category of Transferor and Transferee (RM Million)</i>	
	VII	Bilangan dan Nilai Transaksi Harta Tanah Kediaman mengikut Negeri dan Kumpulan Etnik, Malaysia, 2025 overview 58	
		<i>Transaction and Value of Residential Property Transaction by State and Ethnic Group, Malaysia, 2025</i>	
	VIII	Bilangan dan Nilai Transaksi Harta Tanah Komersial mengikut Negeri dan Kumpulan Etnik, Malaysia, 2025 overview 59	
		<i>Transaction and Value of Commercial Property Transaction by State and Ethnic Group, Malaysia, 2025</i>	
	IX	Bilangan dan Nilai Transaksi Harta Tanah Industri mengikut Negeri dan Kumpulan Etnik, Malaysia, 2025 overview 60	
		<i>Transaction and Value of Industrial Property Transaction by State and Ethnic Group, Malaysia, 2025</i>	
	X	Bilangan dan Nilai Transaksi Harta Tanah Pertanian mengikut Negeri dan Kumpulan Etnik, Malaysia, 2025 overview 61	
		<i>Transaction and Value of Agriculture Property Transaction by State and Ethnic Group, Malaysia, 2025</i>	
	XI	Penawaran Unit Kediaman di Malaysia overview 62	
		<i>Supply of Residential Units in Malaysia</i>	
	XII	Penawaran Unit Kedai di Malaysia overview 63	
		<i>Supply of Shop Units in Malaysia</i>	
	XIII	Penawaran dan Penghunan Kompleks Perniagaan di Malaysia overview 64	
		<i>Supply and Occupancy of Shopping Complex in Malaysia</i>	
	XIV	Penawaran dan Penghunan Pejabat Binaan Khas di Malaysia overview 65	
		<i>Supply and Occupancy of Purpose-Built Office in Malaysia</i>	
	XV	Penawaran Unit SOHO di Malaysia overview 66	
		<i>Supply of SOHO units in Malaysia</i>	
	XVI	Penawaran Unit Pangsapuri Khidmat di Malaysia overview 67	
		<i>Supply of Serviced Apartment Units in Malaysia</i>	
	XVII	Penawaran Unit Industri di Malaysia overview 68	
		<i>Supply of Industrial Units in Malaysia</i>	
	XVIII	Bilangan Bilik Hotel overview 69	
		<i>Number of Hotel Rooms</i>	
	XIX	Bilangan & Prestasi Jualan Pelancaran Baru dan Bilangan & Nilai Unit Kediaman yang Tidak Terjual di Malaysia overview 70	
		<i>Number and Sales Performance of New Launches and Number and Value of Unsold Residential Units in Malaysia</i>	
	XX	Bilangan Unit Kedai yang Tidak Terjual di Malaysia overview 71	
		<i>Number of Unsold Shop Units in Malaysia</i>	
	XXI	Bilangan Unit SOHO yang Tidak Terjual di Malaysia overview 72	
		<i>Number of Unsold SOHO Units in Malaysia</i>	
	XXII	Bilangan Pangsapuri Khidmat yang Tidak Terjual di Malaysia overview 73	
		<i>Number of Serviced Apartment Units in Malaysia</i>	
	XXIII	Bilangan Unit Industri yang Tidak Terjual di Malaysia overview 74	
		<i>Number of Unsold Industrial Units in Malaysia</i>	

Catatan Teknikal
Technical Note

TEKS WILAYAH REGION TEXT

LAPORAN PASARAN HARTA WILAYAH TENGAH

Central Region Property Market Report

Untuk Jadual Lanjut: Sila Rujuk Kad USB
For Further Tables: Please Refer to USB Card

LAPORAN PASARAN HARTA WILAYAH SELATAN

Southern Region Property Market Report

Untuk Jadual Lanjut: Sila Rujuk Kad USB
For Further Tables: Please Refer to USB Card

LAPORAN PASARAN HARTA WILAYAH UTARA

Northern Region Property Market Report

Untuk Jadual Lanjut: Sila Rujuk Kad USB
For Further Tables: Please Refer to USB Card

LAPORAN PASARAN HARTA WILAYAH PANTAI TIMUR

East Coast Region Property Market Report

Untuk Jadual Lanjut: Sila Rujuk Kad USB
For Further Tables: Please Refer to USB Card

LAPORAN PASARAN HARTA WILAYAH MALAYSIA TIMUR

East Malaysia Region Property Market Report

Untuk Jadual Lanjut: Sila Rujuk Kad USB
For Further Tables: Please Refer to USB Card

**GLOSARI
GLOSSARY**

% Pecahan	:	% Breakdown
% Perubahan	:	% Change
"Purata" Semua Rumah	:	"Average" All Houses
Ambilan Ruang	:	Take-up Space
Bandar	:	Town
Berkembar	:	Semi-Detached
Bilangan	:	Number
Bilangan Transaksi	:	Number Of Transactions
Bilangan Unit	:	Number Of Units
Blok Pejabat/ Lot Pejabat	:	Office Block/ Office Lot
Durian	:	Durian
Dusun	:	Orchard
Fasa	:	Phase
Getah	:	Rubber
Harga Purata	:	Average Price
Hektar	:	Hectare
Indeks Harga Semua Rumah	:	All House Price Index
Indeks Keyakinan Perniagaan	:	Business Condition Index
Industri	:	Industrial
Jenis	:	Type
Juta	:	Million
Kadar Ambilan	:	Take-Up Rate
Kadar Asas Pinjaman (BLR)	:	Base Lending Rate (BLR)
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	:	Overnight Policy Rate (OPR)
Kadar Penghunian Purata (pejabat/ kompleks perniagaan)	:	Average Occupancy Rate (office/ shopping complex)
Kadar Penginapan Purata (hotel)	:	Average Occupancy Rate (hotel)
Kadar Pinjaman Purata (ALR)	:	Average Lending Rate (ALR)
Kadar Pulangan Kasar Purata	:	Average Gross Yield
Kadar Serapan	:	Absorption Rate
Kawasan Sekunder Pusat Bandar	:	Central Town Secondary Area
Kawasan Sekunder Pinggir Bandar	:	Suburban Secondary Area
Kawasan Utama Pusat Bandar	:	Central Town Prime Area
Kawasan Utama Pinggir Bandar	:	Suburban Prime Area
Kedai	:	Shop
Kedai Industri	:	Industrial Shop
Kedai Sebelum Perang	:	Pre-war Shop
Kedai Tanpa Inap	:	Lock-up Shop
Kediaman	:	Residential
Kedudukan/lokasi	:	Location
Kelapa	:	Coconut
Kelapa Sawit	:	Oil Palm
Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)	:	Gross Domestic Product (GDP)
Kilang Berkembar/ Gudang	:	Semi-Detached Factory/ Warehouse

GLOSARI
GLOSSARY

Kilang Sesebuah/Gudang	: <i>Detached Factory/Warehouse</i>
Kilang Teres/Gudang	: <i>Terraced Factory/Warehouse</i>
Koko	: <i>Cocoa</i>
Kompleks	: <i>Complex</i>
Kompleks Industri/Unit	: <i>Industrial Complex/Unit</i>
Kompleks Perniagaan	: <i>Shopping Complex</i>
Kondominium	: <i>Condominium</i>
Kopi	: <i>Coffee</i>
Ladang	: <i>Estate</i>
Lingkungan Harga	: <i>Price Range</i>
Lingkungan Sewa Sebulan	: <i>Rental Range Per Month</i>
Lot Niaga Di Dalam Kompleks Perniagaan	: <i>Retail Lot In Shopping Complex</i>
Luas Lantai Purata	: <i>Average Floor Area</i>
Luas Tanah Purata	: <i>Average Land Area</i>
m.p. (Meter Persegi)	: <i>s.m. (Square Meter)</i>
Nilai	: <i>Value</i>
Nilai Pindah Milik	: <i>Value of Transactions</i>
Padi	: <i>Paddy</i>
Padi Dua Kali Setahun	: <i>Double Cropping Paddy</i>
Padi Sekali Setahun	: <i>Single Cropping Paddy</i>
Pajakan	: <i>Lease</i>
Pangsapuri	: <i>Apartment</i>
Paras Ambang	: <i>Threshold Level</i>
Pasaran Sewa	: <i>Rental Market</i>
Pecahan Lot	: <i>Subdivision of Lot</i>
Pedalaman	: <i>Interior</i>
Penawaran Akan Datang	: <i>Incoming Supply</i>
Penawaran Baru Dirancang	: <i>New Planned Supply</i>
Penawaran Dalam Perancangan	: <i>Planned Supply</i>
Penghunian (pejabat/kompleks perniagaan)	: <i>Occupancy (office/shopping complex)</i>
Penginapan (hotel)	: <i>Occupancy (hotel)</i>
Perniagaan/Perdagangan/Komersial	: <i>Commercial</i>
Pertanian	: <i>Agricultural</i>
Perubahan % Dari Tahun Ke Tahun	: <i>Year on Year % Change</i>
Perubahan Harga Purata	: <i>Average Price Change</i>
Perubahan Sewaan Purata	: <i>Average Rental Change</i>
Plot Kosong	: <i>Vacant Plot</i>
Plot Perniagaan	: <i>Commercial Plot</i>
Prestasi Jualan	: <i>Sales Performance</i>
Rumah Bandar	: <i>Townhouse</i>
Rumah Berkelompok/Kluster	: <i>Cluster House</i>
Rumah Kos Rendah	: <i>Low-Cost House</i>
Rumah Pangsa	: <i>Flat</i>
Rumah Pangsa Kos Rendah	: <i>Low-Cost Flat</i>

GLOSARI
GLOSSARY

Saiz Sampel	:	<i>Sample Size</i>
Sayur-sayuran	:	<i>Vegetable</i>
Sesebuah	:	<i>Detached</i>
Sewa	:	<i>Rent</i>
Sewaan	:	<i>Rental</i>
Sewaan Tingkat Bawah Kedai	:	<i>Rentals of Ground Floor Shop</i>
Skim Perumahan Bertingkat Tinggi	:	<i>High-Rise Residential Schemes</i>
Skim Perumahan Konvensional	:	<i>Conventional Housing Schemes</i>
Stabil	:	<i>Stable</i>
Stok Sedia Ada	:	<i>Existing Stock</i>
Tahun Siap (dibina)	:	<i>Year of Completion</i>
Taman Perindustrian Ringan	:	<i>Light Industrial Park</i>
Tanah Adat Melayu	:	<i>Malay Customary Land</i>
Tanah Kampung	:	<i>Kampung Land</i>
Tanah Kosong	:	<i>Vacant Land</i>
Tanah Pembangunan	:	<i>Development Land</i>
Tanah Rezab Melayu	:	<i>Malay Reservation Land</i>
Tarif	:	<i>Tariff</i>
Tembakau	:	<i>Tobacco</i>
Tempoh Kajian	:	<i>Review Period</i>
Tempoh Sebelumnya/Sebelum ini	:	<i>Preceding Period</i>
Tempoh Yang Sama Tahun Lalu	:	<i>Corresponding Period</i>
Teres	:	<i>Terraced</i>
Berkelompok/Kluster	:	<i>Cluster</i>
Tidak Didefinisikan (ND)	:	<i>Not Definable (ND)</i>
Tidak Boleh Dipindah Milik	:	<i>Not Transferable</i>
Tidak Diperolehi (NA)	:	<i>NA (Not Available)</i>
Tingkat Bawah	:	<i>Ground Floor</i>
Tingkat Bawah Tanah	:	<i>Lower Ground Floor</i>
Trend / Aliran	:	<i>Trend</i>
Trend / Aliran Menaik	:	<i>Upward Trend</i>
Trend / Aliran Menurun	:	<i>Downward Trend</i>
Belum Dibina Belum Terjual	:	<i>Unsold Not Constructed</i>
Dalam Pembinaan Belum Terjual	:	<i>Unsold Under Construction</i>
Mula Dibina	:	<i>Starts</i>
Siap Dibina	:	<i>Completion</i>
Siap Dibina Tidak Terjual	:	<i>Overhang</i>
k.p. (Kaki Persegi)	:	<i>s.f. (Square Foot)</i>
s.m.p. (Se Meter Persegi)	:	<i>p.s.m. (Per Square Meter)</i>
s.k.p. (Se Kaki Persegi)	:	<i>p.s.f. (Per Square Foot)</i>

GAMBARAN KESELURUHAN
OVERVIEW

1.0 GAMBARAN KESELURUHAN PASARAN HARTA TANAH

Ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 5.2% pada tahun 2025, didorong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh dan eksport yang menggalakkan, sekali gus melebihi julat unjuran antara 4% hingga 4.8%. Menurut Bank Negara, pertumbuhan perbelanjaan isi rumah lebih tinggi didorong oleh keadaan pasaran pekerja yang positif serta sokongan dasar berkaitan pendapatan. Pertumbuhan pelaburan yang kukuh disokong oleh peningkatan perbelanjaan jentera dan kelengkapan, khususnya untuk pusat data, serta pelaksanaan berterusan projek berbilang tahun oleh sektor swasta dan sektor awam. Sementara itu, insentif perumahan di bawah Bajet 2025 dan penurunan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 2.75%, juga menggalakkan permintaan dan menyokong pertumbuhan pasaran harta tanah.

Walaupun berdepan cabaran ketidakpastian ekonomi global, pasaran harta tanah Malaysia pada tahun 2025 kekal berdaya tahan. Nilai transaksi terus mencatat pertumbuhan meskipun prestasi bilangan transaksi menunjukkan sedikit penyusutan. Sebanyak 416,413 transaksi telah direkodkan, menunjukkan penyusutan sedikit 1%, manakala nilai transaksi menokok sebanyak 4.1% kepada RM241.87 bilion berbanding tahun 2024.


1.0 OVERVIEW OF THE PROPERTY MARKET

The Malaysian economy expanded by 5.2% in 2025, driven by strong domestic demand and favourable exports, exceeding the forecast range of 4% to 4.8%. According to Bank Negara, growth in household spending driven by positive labour market conditions and income-related policy support. The strong investment growth was underpinned by increased spending on machinery and equipment, particularly for data centres and further implementation of multi-year projects in both private and public sectors. Meanwhile, housing incentives given under Budget 2025 and reduction of the Overnight Policy Rate (OPR) at 2.75% are also stimulating demand and supporting the property market growth.

Despite the challenging global economy uncertainty, Malaysia property market in 2025 remains resilient. Transaction values continued to expand despite a slight contraction in transaction volume. A total of 416,413 property transactions were recorded, representing a slight decline of 1%, while the total transaction value increased by 4.1% to RM241.87 billion compared to 2024.

Chart 1

Transactions Volume Trend 2016 – 2025



Aktiviti pasaran harta tanah kekal berdaya tahan, disokong oleh permintaan kediaman domestik, sementara penglibatan pasaran terus mengambil pendekatan lebih berhati-hati dan selektif. Pasaran industri menunjukkan momentum pertumbuhan ketara, mencapai kenaikan nilai sebanyak 21.3%, manakala bilangan meningkat sebanyak 1.4%. Pertumbuhan nilai yang kukuh didorong oleh permintaan industri bernilai tinggi, dan meningkatkan keyakinan pelabur dalam zon industri strategik. Prestasi ini juga didorong oleh kemampunan ekonomi Malaysia dan sokongan berterusan kerajaan, termasuk Bajet 2025, pelaksanaan penuh Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030), dan Rancangan Malaysia Ketiga Belas.

Pertumbuhan pasaran harta tanah tahun 2025 disokong penuh oleh pelaksanaan pelbagai usaha dan inisiatif kerajaan untuk memacu ekonomi Malaysia dan pada masa yang sama merangsang pengembangan pasaran harta tanah di seluruh negara melalui Kerangka Ekonomi MADANI.

Beberapa inisiatif yang digariskan di bawah Bajet 2025 oleh kerajaan menjadi pemangkin kepada aktiviti pasaran harta tanah yang mampan, antaranya adalah:

- i. Peruntukan RM405 juta untuk meneruskan 48 Program Residensi Rakyat (PRR), termasuk dua PRR di Port Dickson, Negeri Sembilan dan Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.
- ii. Peruntukan RM452 juta untuk meneruskan 14 Projek Rumah Mesra Rakyat (RMR) yang melibatkan pembinaan 5,410 unit rumah baharu.
- iii. Menyediakan Jaminan Kerajaan sehingga RM10 bilion di bawah Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) ke atas pembiayaan perumahan untuk manfaat 20,000 pembeli rumah.
- iv. Menyediakan pelepasan cukai pendapatan individu ke atas pembayaran faedah pinjaman perumahan untuk menggalakkan pemilikan rumah di kalangan pembeli rumah pertama. Pelepasan cukai sehingga RM7,000 untuk rumah kediaman berharga sehingga RM500,000 dan pelepasan cukai sehingga RM5,000 untuk rumah kediaman berharga antara RM500,000 hingga RM750,000.
- v. Skim Step Up Financing di bawah SJKP diperkenalkan sebagai jaminan Kerajaan sehingga RM5 bilion khusus untuk anak muda yang ingin memiliki rumah pertama dengan bayaran balik pinjaman lebih rendah untuk lima tahun pertama.

Property market activity remained resilient, underpinned by domestic residential demand, while market participants continued to adopt a more cautious and selective approach. The industrial market showed a significant growth momentum, achieving an increase of 21.3% in value, while volume rose by 1.4%. This strong value growth driven by high-value industrial demand and improving investor confidence in strategic industrial zones. The performance is also driven by the sustainability of Malaysia's economy and the continuous government support, including Budget 2025, the full implementation of the New Industrial Master Plan 2030 (NIMP 2030), and the Thirteenth Malaysia Plan.

The growth in 2025 property market is highly supported by the implementation of various government efforts and initiatives to drive Malaysia's economy and simultaneously stimulating the expansion of the property market nationwide through the MADANI Economy Framework.

Several initiatives which were outlined under Budget 2025 by the government become a catalyst to the sustainable property market activities, among others:

- i. Allocation of RM405 million to continue 48 Program Residensi Rakyat (PRR), including two new PRR in Port Dickson, Negeri Sembilan and Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.*
- ii. Allocation of RM452 million to provide 14 Rumah Mesra Rakyat (RMR) which involves construction of 5,410 unit of new housing units.*
- iii. Provide Government Guarantees of up to RM10 billion under Housing Credit Guarantee Scheme (SJKP) on housing financing for the benefit of 20,000 home buyers.*
- iv. Provide individual income tax relief on housing loan interest payments to encourage home ownership among first-time buyers. Tax relief of up to RM7,000 for residential homes priced up to RM500,000 and tax relief of up to RM5,000 for residential homes priced from RM500,000 ringgit to RM750,000.*
- v. The Step-Up Financing Scheme under SJKP was introduced as a Government guarantee of up to RM5 billion specifically for youngsters seeking to purchase their first home, with a lower instalment rate for the first five years.*

- vi. Dana RM200 juta melalui UDA untuk pembangunan rumah mampu milik untuk rakyat di atas tanah wakaf.
- vii. Forest City telah diluluskan sebagai Pulau Bebas Cukai untuk meningkatkan aktiviti pelancongan dan ekonomi tempatan. Sebagai tambahan, pakej galakan bagi Zon Kewangan Khas Forest City telah diumumkan pada September 2024 untuk merencanakan aktiviti perkhidmatan kewangan, seperti perkhidmatan perniagaan global kewangan dan teknologi kewangan.

- vi. Funding RM200 million through UDA for the development of affordable housing for rakyat on waqf lands.
- vii. Forest City has been approved as a Duty-Free Island to boost tourism and local economic activities. In addition, an incentive package for the Forest City Special Financial Zone was announced in September 2024 to boost financial services activities, such as global business financial services and fintech.



Subsektor kediaman terus berkembang dan mengukuhkan kedudukannya sebagai penyumbang terbesar kepada aktiviti pasaran, mendominasi kedua-dua bilangan dan nilai transaksi harta tanah negara. Mengikut julat harga, harga harta tanah melebihi RM1 juta mencatatkan pertumbuhan tertinggi sebanyak 6.5%, manakala julat harga yang lain menunjukkan momentum trend penurunan. Pertumbuhan nilai yang kukuh ini mencerminkan perubahan dalam komposisi transaksi mengikut julat harga, disokong oleh inisiatif kerajaan yang digariskan dalam Bajet 2025, sekaligus meningkatkan keyakinan dalam pasaran harta tanah.

The residential sub-sector sustained its expansion and strengthened its position as the largest contributor to the market activity, dominating in both volume and value of national property transactions. By price range, the property price above RM1 million recorded the highest growth at 6.5%, while other price ranges showed downward trend momentum. The strong value growth reflects changes in the composition of transactions by price range, supported by government initiatives outlined in Budget 2025, boosting confidence in the property market.

2.0 AKTIVITI PASARAN HARTA TANAH

Prestasi pasaran harta tanah terus berdaya tahan di tengah-tengah ketidaktentuan ekonomi global pada tahun 2025, disokong oleh keadaan ekonomi Malaysia yang stabil dan inisiatif kerajaan yang bersasar. Sebanyak 416,413 transaksi bernilai RM241.87 bilion direkodkan, berkembang sebanyak 4.1% dalam nilai, manakala bilangan mengalami sedikit penurunan 1% berbanding pada tahun 2024. Daripada jumlah transaksi tersebut, 79.2% (329,606 transaksi) adalah transaksi tahun 2025, 17.9% (74,458 transaksi) adalah daripada tahun 2024, dan selebihnya terdiri daripada transaksi tahun 2023.

Prestasi aktiviti pasaran mengikut subsektor merekodkan prestasi bercampur-campur. Semua subsektor mencatat pertumbuhan bilangan transaksi tahun ke tahun kecuali subsektor kediaman dan pertanian masing-masing menurun 1.5% dan 2.7%. Sementara itu, subsektor industri dan komersial masing-masing menunjukkan pertumbuhan sederhana 1.4%, didorong oleh permintaan yang berterusan di seluruh negara. Dari segi nilai, semua subsektor mencatat pertumbuhan kecuali subsektor pertanian. Subsektor industri mendahului pertumbuhan, meningkat 21.3%, diikuti tanah pembangunan dan lain-lain (17.2%), manakala subsektor kediaman dan komersial mencatat pertumbuhan sederhana masing-masing sebanyak 1.3% and 1.1%.

Sektor kediaman, merupakan segmen terbesar dalam aktiviti pasaran harta tanah, terus mendominasi bilangan dan nilai transaksi, menyumbang 61.6% daripada bilangan aktiviti pasaran. Walau bagaimanapun, pertumbuhan nilai transaksi lebih sederhana, menyumbang 44.8%, menunjukkan keadaan harga pasaran yang stabil. Permintaan disokong oleh pembeli domestik, yang kekal tertumpu kepada segmen rumah mampu milik dan pembangunan berorientasikan gaya hidup. Sementara itu, subsektor komersial dan industri mencatat bilangan transaksi lebih rendah, menyumbang 11.2% dan 2.1%, tetapi menyumbang nilai transaksi lebih tinggi masing-masing dengan 24.3% dan 14%.

2.0 PROPERTY MARKET ACTIVITY

The property market performance remained resilient amid global economic uncertainties in 2025, supported by stable Malaysian economic conditions and targeted government initiatives. A total 416,413 transactions worth RM241.87 billion were recorded, expanded by 4.1% in value, while volume experienced a slight decline of 1% compared to 2024. Of the total transactions, 79.2% (329,606 transactions) were transfers in 2025, 17.9% (74,458 transactions) were from 2024, and the remaining share consisted of transfers from 2023.

Sectoral market activity recorded mixed performance. All subsectors recorded year-on-year growth in the volume of transactions except for residential and agriculture sub-sectors, which declined by 1.5% and 2.7%, respectively. Meanwhile, the industrial and commercial sub-sectors show modest growth of 1.4% each, driven by sustained nationwide demand. In terms of value, all sub-sectors recorded growth except for agriculture. The industrial sub-sector led with an increase of 21.3%, followed by development land and others (17.2%), residential and commercial sub-sectors registered more moderate value growth of 1.3% and 1.1%, respectively.

The residential sub-sector, historically the largest segment of overall property transactions, continued to dominate the volume of transactions, with 61.6% of the total market activity. However, transaction values grew at a more moderate pace, contributing 44.8%, indicating stable pricing conditions. Demand was mainly driven by domestic buyers, with sustained interest concentrated in the affordable housing segment and lifestyle-oriented developments. Meanwhile, the commercial and industrial subsectors recorded lower transaction volumes, contributing 11.2% and 2.1%, but accounted for higher shares of transaction value with 24.3% and 14%, respectively.

Chart 3

Contribution to Transaction Volume by Sub-sector 2025




Chart 4

Contribution to Transaction Value by Sub-sector 2025




Chart 5

Transactions Volume by Price Range 2021 - 2025




Chart 6

Transaction Volume by Sub-sector 2024 - 2025




Chart 7

Transaction Value by Sub-sector 2024 – 2025




Chart 8

Transactions Volume by State 2024 and 2025




Table 1

Summary of Top Prominent Sales 2025

No	State	Property	Location	Transaction Year	Consideration (RM)
1	WP Kuala Lumpur	Menara CIMB	Stesen Sentral	2025	680,000,000
2	WP Kuala Lumpur	Vacant Commercial Plot	Taman Sungai Besi	2025	588,432,367
3	WP Kuala Lumpur	Vacant Commercial Plot	Taman Sungai Besi	2024	935,926,667
4	WP Kuala Lumpur	Vacant Commercial Plot	Off Jalan Cheras	2024	458,000,000
5	Selangor	AEON Bukit Tinggi	Bandar Bukit Tinggi	2025	680,000,000
6	Selangor	University Sunway	Bandar Sunway	2025	613,000,000
7	Selangor	Paradigm Mall	Petaling Jaya	2025	600,000,000
8	Johor	Paradigm Mall	Taman Bukit Mewah	2025	1,157,000,000
9	Johor	Vacant Industrial Plot	I-Park Senai Airport City	2025	693,961,865
10	Negeri Sembilan	Estate Land	Bukit Pelandok Estate	2025	545,648,163

2.1 HARTA TANAH KEDIAMAN

Transaksi

Aktiviti pasaran harta tanah kediaman adalah sederhana pada tahun 2025. Sebanyak 256,512 transaksi kediaman bernilai RM108.27 telah direkodkan, menunjukkan penyusutan marginal 1.5% dalam bilangan, manakala nilai transaksi mencatat sedikit peningkatan nilai 1.3% berbanding pada tahun 2024 (260,516 transaksi bernilai RM106.92 bilion). Selangor kekal sebagai penyumbang utama kepada jumlah keseluruhan transaksi kediaman negara, menguasai 20.7% (52,998 transaksi) dalam bilangan dan 28.2% (RM30.53 bilion) dalam nilai transaksi. Johor di kedudukan kedua bilangan tertinggi dengan 16.6% (42,566 transaksi) dan 8.2% (RM20.94 bilion) dalam nilai. Empat negeri utama, iaitu WP Kuala Lumpur, Johor, Selangor dan Pulau Pinang, menyumbang lebih 50% daripada jumlah transaksi kediaman negara.

Permintaan pasaran sebahagian besarnya didorong oleh segmen mampu milik. Mengikut julat harga, rumah mampu milik berharga RM300,000 dan ke bawah mendominasi aktiviti pasaran, merangkumi 52.3% daripada jumlah transaksi. Rumah dengan julat pertengahan antara RM300,001 hingga RM500,000 menyumbang 24.9%, diikuti berharga lebih tinggi antara RM500,001 hingga RM1 juta sebanyak 16.9%. Rumah berharga melebihi RM1 juta mewakili sebahagian kecil iaitu 5.9%.

Mengikut jenis harta, permintaan bagi rumah teres kekal kukuh, menyumbang 41.3% daripada jumlah transaksi kediaman. Ini diikuti dengan plot kosong (18.1%), unit bertingkat tinggi (14.3%), rumah kos rendah/ flat (10.6%) dan rumah berkembar (7.3%), dengan selebihnya terdiri daripada jenis harta tanah yang lain. Dari segi segmen pasaran, transaksi pasaran utama (pembelian terus daripada pemaju) mewakili 15.5% daripada keseluruhan, manakala bakinya 84.5% daripada transaksi pasaran sekunder.

2.1 RESIDENTIAL PROPERTY

Transaction

Residential property market activity moderated in 2025. A total of 256,512 residential transactions valued at RM108.27 billion were recorded, reflecting a marginal decline of 1.5% in volume, while transaction value registered a slight increase of 1.3% compared to 2024 (260,516 transactions worth RM106.92 billion). Selangor sustained as the main contributor to the national total transactions, capturing 20.7% (52,998 transactions) in volume and 28.2% (RM30.53 billion) in value. Johor ranked second highest with 16.6% (42,566 transactions) in volume and 8.2% (RM20.94 billion) in value. The four major states, namely WP Kuala Lumpur, Johor, Selangor and Pulau Pinang, formed over 50% of the total national residential volume transactions.

Residential demand largely driven by affordable segment. By price range, affordable houses priced RM300,000 and below dominated the market activities, making up 52.3% of total transactions. Middle range houses between RM300,001 and RM500,000 accounted for at 24.9%, followed by higher priced between RM500,001 and RM1 million at 16.9%. Houses above RM1 million represent a small portion at 5.9%.

By property type, demand remained strongest for terraced houses, which comprised 41.3% of total residential transactions. This was followed by vacant plots (18.1%), high-rise units (14.3%), low-cost houses/flats (10.6%) and semi-detached houses (7.3%), with the remainder attributed to other property types. In terms of market segment, primary market transactions (purchases directly from developers) represented 15.5% of total, while the remaining 84.5% were secondary market transactions.

Chart 9

Residential Transactions Volume Trend 2021 – 2025




Chart 10

Residential Transactions Value Trend 2021 – 2025



Chart 11

Residential Transactions Volume by Price Range 2021 - 2025



Chart 12

Residential Transactions Volume by Type 2025





Chart 13

Residential Transactions Volume by State 2025



Pelancaran Baharu

Prestasi pasaran utama sederhana pada tahun 2025. Sebanyak 64,487 unit kediaman telah dilancarkan, menyusut 14.9% berbanding 75,784 unit pada tahun 2024. Prestasi ini dikaitkan dengan sentimen berhati-hati di kalangan pemaju di tengah-tengah persekitaran ekonomi global yang mencabar. Sejajar dengan itu, prestasi jualan adalah sederhana, menyusut kepada 35.5%, berbanding tahun 2024.

Mengikut negeri, Selangor terus mendahului pasaran utama, menyumbang 22.3% (14,358 unit) daripada jumlah pelancaran baharu, dengan prestasi jualan sebanyak 32.3%. Johor mengikut rapat sebagai penyumbang kedua tertinggi, mewakili 17.3% (11,151 unit) dan mencatat prestasi jualan lebih tinggi sebanyak 55.3%. Perak di kedudukan ketiga, menyumbang kira-kira 11% (7,086 unit) daripada jumlah keseluruhan, dengan prestasi jualan sebanyak 28.7%.

Rumah teres yang terdiri daripada unit teres setingkat dan dua hingga tiga tingkat kekal sebagai jenis harta tanah yang dominan dalam pelancaran baharu. Mengikut jenis, rumah teres setingkat menyumbang 21.7% (13,973 unit) sebahagian besarnya tertumpu di Perak, manakala rumah teres dua hingga tiga tingkat menyumbang 30.2% (19,469 unit) dengan majoriti dilancarkan di Johor. Sementara itu, unit kondominium/ pangsapuri terus menarik permintaan, menyumbang 33.5% (21,588 unit), terutamanya terletak di WP Kuala Lumpur dan Selangor.

New Launches

The performance of the primary market was softened in 2025. A total of 64,487 residential units were launched, a reduction of 14.9% compared to 75,784 units in 2024. This performance could be attributed to a cautious sentiment among developers amid challenging global economic environments. Correspondingly, the sales performance was modest, declining to 35.5% compared with 2024.

By state, Selangor continued to lead the primary market, accounting for 22.3% (14,358 units) of the new launches, with a sales performance of 32.3%. Johor followed closely as the second-highest contributor, representing 17.3% (11,151 units) of new launches and recording a higher sales performance of 55.3%. Perak ranked third, contributing approximately 11% (7,086 units) of the total, with a sales performance of 28.7%.

Terraced houses which comprising single and two to three storey terraced remained the dominant property type in new launches. By type, single storey terraced houses accounted for 21.7% (13,973 units) largely concentrated in Perak, while two to three storey terraced houses accounted 30.2% (19,469 units) with the majority launched in Johor. Meanwhile, condominium/ apartment units continued to attract demand, contributing 33.5% (21,588 units), mainly located in WP Kuala Lumpur and Selangor.



Status Pasaran

Pada tahun 2025, sebanyak 30,471 unit kediaman siap dibina tidak terjual telah direkodkan dengan jumlah nilai sebanyak RM17.73 bilion. Situasi ini mencerminkan peningkatan tahun ke tahun masing-masing sebanyak 31.6% dan 27.2% dari segi bilangan dan nilai, berbanding tahun 2024 (23,149 unit bernilai RM13.94 bilion) yang menunjukkan penyerapan pasaran yang sederhana.

Prestasi mengikut negeri menunjukkan Perak mencatat bilangan unit siap dibina tidak terjual tertinggi dalam negara, menyumbang 12.9% (3,943 unit) daripada jumlah keseluruhan. Negeri Johor mengikut rapat dengan 12.1% (3,705 unit), dan Selangor menyumbang 11.6% (3,547 unit). Dari segi nilai, Johor tertinggi dengan RM3.3 bilion, diikuti oleh Selangor (RM2.62 bilion) dan Pulau Pinang (RM2 bilion).

Mengikut jenis harta tanah, kondominium dan pangsapuri mendominasi unit siap dibina tidak terjual, menyumbang 47.1% (14,357 unit) daripada jumlah keseluruhan. Sementara itu, rumah teres juga mendominasi unit siap dibina tidak terjual, mewakili 30.5% (9,293 unit) daripada jumlah keseluruhan negara.

Dari perspektif harga, unit siap dibina tidak terjual dalam julat harga mampu milik kurang RM300,000 menyumbang 37.7% (11,502 unit) daripada keseluruhan. Julat harga antara RM300,001 hingga RM500,000 berada di kedudukan kedua, menyumbang 27.5% (8,381 unit). Sementara itu, rumah dalam julat harga RM500,001 hingga RM1 juta membentuk 24.3% lagi (7,401 unit), diikuti oleh rumah berharga melebihi RM1 juta, menyumbang 10.5% (3,187 unit).

Dalam perkembangan yang sama, bilangan kediaman dalam pembinaan belum terjual meningkat sebanyak 18.8% kepada 72,384 unit (2024: 60,934 unit), dengan Selangor dan Perak menyumbang bahagian terbesar masing-masing sebanyak 20.5% (14,832 unit) dan 12.7% (9,219 unit). Sementara itu, kediaman belum dibina belum terjual mencatat peningkatan yang ketara melebihi 70%, mencecah 14,625 unit (2024: 8,274 unit), kebanyakannya tertumpu di Selangor dan WP Kuala Lumpur.

Market Status

In 2025, a total of 30,471 residential unsold completed units were recorded, with a total value of RM17.73 billion. This reflects a year-on-year increase of 31.6% and 27.2% in volume and value, respectively, compared to 2024 (23,149 units worth RM13.94 billion) which indicating a moderate market absorption.

The performance by state witnessed Perak recording the highest numbers of unsold completed units in the country, dominating 12.9% (3,943 units) of the total. Johor followed closely with 12.1% (3,705 units), and Selangor contributed another 11.6% (3,547 units). In terms of value, Johor the highest with RM3.3 billion, followed by Selangor (RM2.62 billion) and Pulau Pinang (RM2 billion).

By property type, condominiums and apartments dominated the unsold completed units, accounted for 47.1% (14,357 units) of the national total. Meanwhile, terraced houses also dominated the unsold completed units, representing 30.5% (9,293 units) of the national total.

From a pricing perspective, unsold completed units in the affordable price range of below RM300,000 contributed for 37.7% (11,502 units) of the total. The price range between RM300,001 and RM500,000 came in second, accounting for 27.5% (8,381 units). Meanwhile, those houses in the price range of RM500,001 to RM1 million formed another 24.3% (7,401 units), followed by above RM1.0 million, which contributed the remaining 10.5% (3,187 units).

On a similar note, the number of unsold under construction rose by 18.8% to 72,384 units (2024: 60,934 units), with Selangor and Perak accounting for the largest share at 20.5% (14,832 units) and 12.7% (9,219 units), respectively. Meanwhile, unsold not constructed recorded a substantial increase of more than 70%, reaching 14,625 units (2024: 8,274 units), mostly concentrated in Selangor and WP Kuala Lumpur.

Chart 15

Residential Unsold Completed Units 2021 - 2025




Chart 16

Residential Unsold Units 2021 - 2025





Chart 17

Residential Market Status by Selected States 2025



Aktiviti Pembinaan

Prestasi bagi segmen pembinaan menunjukkan tanda-tanda sederhana, mencerminkan persekitaran pembangunan yang lebih berhati-hati. Rumah siap dibina terus mencatatkan pertumbuhan, berkembang sebanyak 21.6% kepada 99,877 unit, berbanding 82,135 unit yang dicatatkan pada tahun 2024.

Prestasi mengikut negeri menyaksikan Selangor kekal sebagai penyumbang tertinggi, menguasai 22.7% (22,691 unit), diikuti Johor dengan 10.3% (10,261 unit) dan WP Kuala Lumpur sebanyak 10% (9,958 unit). Mengikut jenis harta tanah, tumpuan penawaran bertukar kepada unit kondominium/ pangsapuri, mencakupi 33% (32,911 unit) daripada jumlah keseluruhan negara, diikuti dengan rumah teres dua hingga tiga tingkat, yang menyumbang 28.4% lagi (28,373 unit).

Construction Activity

The performance of the construction segment showed signs of moderation, reflecting a more cautious development environment. Housing completions continued to register growth, expanding by 21.6% to 99,877 units, compared to 82,135 units recorded in 2024.

Performance by state saw Selangor remained as the highest contributor, dominating 22.7% (22,691 units), followed by Johor with 10.3% (10,261 units) and WP Kuala Lumpur at 10% (9,958 units). By property type, focus of supply changed to condominium/ apartment units, accounting for 33% (32,911 units) of the national total, followed closely by two to three storey terraced houses, which contributed another 28.4% (28,373 units).

Sebaliknya, unit mula dibina dan penawaran baharu dirancang mengalami penurunan ketara masing-masing sebanyak 22.7% (82,097 unit) dan 25% (75,370 unit). Sehingga akhir tahun, unit kediaman sedia ada merekodkan lebih 6.5 juta, manakala penawaran akan datang melebihi 0.3 juta dan penawaran yang dirancang merekodkan hampir 0.25 juta.

Contrarily, starts and new planned supply units experienced sharp decreases of 22.7% (82,097 units) and 25% (75,370 units), respectively. As of year-end, the existing residential units recorded more than 6.5 million, while the incoming supply exceeded 0.3 million and the planned supply recorded nearly 0.25 million.



Pergerakan Harga

Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM) berada pada 233.1 mata dengan harga rumah purata RM502,922 seunit pada 2025^p, mencerminkan pertumbuhan tahunan sederhana 2.6%. Semua negeri mengalami pertumbuhan tahunan positif antara 0.8% hingga 6.9%, menggambarkan kestabilan harga rumah.

Dari segi harga purata mengikut negeri, WP Kuala Lumpur, Selangor, Sabah dan Sarawak merekodkan harga rumah melebihi purata harga nasional. WP Kuala Lumpur kekal dengan purata harga tertinggi, melebihi RM810,000 seunit, diikuti Selangor RM567,505 seunit. Melaka dan Perlis terus mencatatkan purata harga rumah terendah, kurang RM260,000 seunit. Semua jenis rumah menunjukkan momentum positif, dengan rumah teres mendahului pertumbuhan sebanyak 3.3%, diikuti rumah berkembar (2.8%), rumah sesebuah (2.4%) dan unit bertingkat tinggi (0.6%).

Price Movements

The Malaysian House Price Index (MHPI) stood at 233.1 points with the average house price at RM502,922 per unit in 2025^p, reflecting moderate annual growth of 2.6%. All states experienced positive annual growth between 0.8% and 6.9%, indicating house price stability.

In terms of average price by states, WP Kuala Lumpur, Selangor, Sabah, and Sarawak recorded house price above the national average price. WP Kuala Lumpur remained the highest average price, exceeding RM810,000 per unit, followed by Selangor at RM567,505 per unit. Melaka and Perlis continued to have the lowest average house prices, staying below at RM260,000 per unit. All house types indicated positive momentum, with terraced houses leading the growth by 3.3%, followed by semi-detached houses (2.8%), detached houses (2.4%), and high-rises units (0.6%).

Chart 19

MHPI: Index Point and Annual Percentage Change 2018 - 2025^P




Chart 20

MHPI: Index Point and Annual Change by Type 2010 – 2025^P





Chart 21

MHPI: Index Point and Annual Change in Major States 2010 – 2025^P



Sewa

Pasaran sewa kediaman kekal teguh dengan kadar pulangan kasar yang mampan terutamanya di negeri utama. Di WP Kuala Lumpur, trend peningkatan sewa direkodkan di beberapa kawasan yang mempunyai permintaan sewa yang tinggi, terutamanya lokasi bersebelahan dengan stesen LRT dan MRT, mempunyai pemandangan KLCC dan jaringan jalan yang cekap. Sementara itu, teres dua tingkat di Damansara Heights dan Desa Park City (Casaman) memperoleh sewa tertinggi, melebihi RM8,000 sebulan. Begitu juga, unit kondominium di U Thant Residence, Seni Mont Kiara dan Sunway Vivaldi mencapai sewa bulanan melebihi RM11,000.

Pasaran sewa Selangor secara umumnya stabil, dengan beberapa pertumbuhan sewa sederhana bagi rumah teres dua tingkat dan unit pangsapuri, khususnya di daerah Petaling, Gombak, Hulu Selangor dan Hulu Langat. Rumah teres dua tingkat di Valencia, Sungai Buloh mencapai kadar sewa bulanan premium melebihi RM8,000 sebulan. Sementara itu, sewaan di Mutiara Damansara mencatat sewa bulanan antara RM2,300 hingga RM3,000 dan Setia Eco Glade, Cyberjaya mencatatkan RM3,200 hingga RM3,900 sebulan. Pasaran sewa untuk unit kondominium juga stabil, dengan sewa bulanan lebih tinggi antara RM2,500 hingga RM3,500 direkodkan di Kondominium La Costa, Saujana Villa Resort, Subang Park Home dan One Jelatek.

Di Johor, pasaran sewa juga kekal stabil, dengan sedikit peningkatan diperhatikan di Daerah Johor Bahru bagi unit teres, pangsapuri dan kondominium. Kadar sewa rumah teres satu tingkat meningkat sebanyak 4% kepada 10%, merekodkan kadar sewa kurang RM2,000. Sementara itu, unit kondominium di Iskandar Residence di Medini, mencatat kadar sewaan setinggi RM2,800 sebulan.

Di Wilayah Utara, pasaran sewa Pulau Pinang secara keseluruhannya stabil, dengan pergerakan bercampur diperhatikan bagi rumah teres dan unit bertingkat tinggi di kebanyakan daerah. Unit kondominium di daerah Timur Laut dan Barat Daya menyaksikan kenaikan sewa sebanyak 2.4% hingga 8.0%, dengan The Cove mencatatkan kadar tertinggi antara RM6,000 dan RM8,500 sebulan.

Rental

The residential rental market remained robust with sustained gross yield rates, particularly in major states. In WP Kuala Lumpur, upward rental trends were observed in several high rental demand areas, particularly those adjacent to LRT and MRT stations, KLCC views, and efficient connectivity. Meanwhile, double-story terraces in Damansara Heights and Desa Park City (Casaman) commanded higher rentals, exceeding RM8,000 per month. Similarly, condominium units in U Thant Residence, Seni Mont Kiara and Sunway Vivaldi achieved monthly rentals of over RM11,000.

Selangor's rental market is generally stable, with several modest rental growths for double storey terraced houses and apartment units, particularly in districts of Petaling, Gombak, Hulu Selangor, and Hulu Langat. Double-story terrace houses in Valencia, Sungai Buloh, achieved premium monthly rentals exceeding RM8,000 per month. Meanwhile, Mutiara Damansara recorded monthly rentals ranging between RM2,300 and RM3,000, while Setia Eco Glade, Cyberjaya, recorded RM3,200 to RM3,900 per month. The rental market for condominium units is also stable, with higher monthly rentals between RM2,500 and RM3,500 recorded in La Costa Condominium, Saujana Villa Resort, Subang Park Home and One Jelatek.

In Johor, the rental market also remained stable, with slight increases observed in Johor Bahru District for terraced houses, apartments, and condominiums. Rental rates for single storey terraced houses in Johor Bahru increased by 4% to 10%, recording monthly rental rates below RM2,000. Meanwhile, condominium units at Iskandar Residence in Medini recorded a rental rate as high as RM2,800 per month.

In the Northern Region, all states showed a stable rental market with some upward rental growth observed for terraced houses and high-rise units in several districts. Condominium units in Timur Laut and Barat Daya districts saw rental increases of 2.4% to 8.0%, with The Cove registering the highest rates between RM6,000 and RM8,500 per month.


2.2 HARTA TANAH KOMERSIAL

Transaksi

Prestasi subsektor komersial kekal kukuh pada tahun 2025. Sebanyak 46,649 transaksi bernilai RM58.70 bilion telah direkodkan, berkembang sebanyak 1.4% dari segi bilangan dan 1.1% dalam nilai, berbanding tahun 2024 (45,985 transaksi bernilai RM58.06 bilion). Pertumbuhan aktiviti pasaran didorong oleh transaksi kedai empat tingkat, unit SOHO dan pangsapuri servis yang lebih tinggi, terutamanya di negeri-negeri utama.

Chart 22

Commercial Transactions Volume Trend 2021 – 2025



2.2.1 Kedai (Satu hingga Enam Setengah Tingkat dan Kedai Sebelum Perang)

Transaksi

Bilangan transaksi kedai merekodkan penurunan sedikit 1.1% dalam tahun 2025, manakala nilai jumlah nilai transaksi pula meningkat 3.1%. Sebanyak 19,551 transaksi direkodkan bernilai RM19.85 bilion (2024: 19,771 transaksi bernilai RM19.26 bilion). Aktiviti transaksi kedai mendominasi transaksi harta tanah komersial, menunjukkan 41.9% daripada bilangan transaksi dan 33.8% daripada jumlah nilai harta tanah komersial.

Pasaran kedai di Johor terus menunjukkan berdaya tahan dan kekal mendahului pasaran kedai, mencakupi 21.6% (4,219 transaksi) daripada jumlah keseluruhan. Selangor mengikut rapat sebanyak 19.8% (3,863 transaksi). Dari segi nilai, Selangor mendahului senarai dengan 29.7% (RM5.89 bilion), manakala Johor di kedudukan kedua dengan 23.5% (RM4.67 bilion) daripada jumlah nilai.


2.2 COMMERCIAL PROPERTY

Transaction

The performance of commercial sub-sectors remained strong in 2025. A total of 46,649 transactions worth RM58.70 billion were recorded, expanded by 1.4% in volume and 1.1% in value, compared to 2024 (45,985 transactions worth RM58.06 billion). Growth in market activities was driven by higher transactions of four storey shops, SOHO and serviced apartments, particularly in major states.

Chart 23

Commercial Transactions Value Trend 2021 – 2025



2.2.1 Shop (One to Six and A-half Storey and Pre-war Shop)

Transaction

The total shop transaction volume recorded a slight decline of 1.1% in 2025, while the total transaction value increased by 3.1%. A total of 19,551 transactions were recorded worth RM19.85 billion (2024: 19,771 transactions worth RM19.26 billion). Shop transactions activity dominated the commercial property transactions, indicating 41.9% of transaction volume and 33.8% of the total value commercial property.

The Johor shop market continues to show resilience and remains to lead the shop transactions, accounting for 21.6% (4,219 transactions) of the total volume. Selangor, followed closely by 19.8% (3,863 transactions). In terms of value, Selangor remains topped the list with 29.7% (RM5.89 billion), while Johor secured second place with 23.5% (RM4.67 billion) of the total value.

Aktiviti transaksi kekal tertumpu kepada kedai teres dua hingga dua setengah tingkat dan terus menjadi penyumbang terbesar, mencakupi lebih 50% (10,473 transaksi) daripada jumlah transaksi kedai. Sementara itu, kedai tiga hingga tiga setengah tingkat mengikut kedudukan kedua, mencakupi 27.5% (5,379 transaksi).

Transactions activity remained concentrated by, two to two and a half storey terraced shops and continued as the largest contributor, accounting for more than 50% (10,473 transactions) of total shop transactions. Meanwhile, three to three and a half storey shop followed in second place, making up 27.5% (5,379 transactions).

Chart 24

Shop Transactions Volume 2021 – 2025





Chart 25

Shop Transactions Value 2021 – 2025



Status Pasaran

Bilangan kedai siap dibina tidak terjual mencatatkan peningkatan sebanyak 12.4% dari segi bilangan dan 9% dari segi nilai berbanding tahun 2024. Dalam tempoh kajian, sejumlah 6,492 unit bernilai RM5.46 bilion telah direkodkan. Unit siap dibina tidak terjual tertumpu terutamanya di Johor, Sabah dan Sarawak, dengan Johor menyumbang bahagian terbesar sebanyak 17.7% daripada bilangan keseluruhan dan 19.6% daripada jumlah nilai. Walau bagaimanapun, keadaan di Johor menunjukkan peningkatan, apabila bilangan unit kedai siap dibina tidak terjual menurun secara beransur-ansur dari tahun ke tahun sejak tahun 2023. Dalam perkembangan yang sama, unit dalam pembinaan belum terjual dan belum dibina belum terjual menunjukkan peningkatan ketara masing-masing sebanyak 50.9% dan 18.1%.

Market Status

The total shop unsold completed recorded a increases of 12.4% in volume and 9% in value compared with 2024. During the review period, a total of 6,492 units worth RM5.46 billion were recorded. Unsold completed units were primarily concentrated in Johor, Sabah, and Sarawak, with Johor accounting for the largest share at 17.7% of total volume and 19.6% of total value. Nevertheless, the situation in Johor showed improvement, as the number of unsold completed shop units has been gradually declining year on year since 2023. On similar note, the unsold under construction and not constructed units increased significantly by 50.9% and 18.1%, respectively.


Chart 26

Shop Unsold Completed Units 2021 – 2025



Chart 27

Shop Unsold Units 2021 – 2025



Aktiviti Pembinaan

Dari segi penawaran, aktiviti pembinaan kekal berdaya tahan. Unit siap dibina mencatatkan peningkatan ketara sebanyak 73.6%, manakala unit mula dibina berkembang sebanyak 4.4% berbanding 2024. Sebaliknya, penawaran baharu dirancang menunjukkan penurunan sedikit 1.5% berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Sehingga akhir tahun, kedai sedia ada melebihi 550,000 unit, dengan hampir 21,000 unit dalam penawaran akan datang dan hampir 15,000 unit dalam penawaran yang dirancang.

Construction Activity

On the supply front, construction activity remained resilient. Completion units recorded a significant increase of 73.6%, while starts grew by 4.4% compared to 2024. On the other hand, the new planned supply showed a slight decline of 1.5% compared to the same period last year. As of year-end, the existing shops exceed 550,000 units, with nearly 21,000 units in the incoming supply and almost 15,000 units in the planned supply.

Chart 28
Shop Construction Activity 2021 – 2025



Harga

Harga kedai sebahagian besarnya stabil, dengan beberapa kawasan mencatatkan prestasi bercampur-campur. Trend kenaikan harga ditunjukkan di kawasan komersial yang strategik dan stabil di semua negeri utama. Jenis harta tanah yang sama di WP Kuala Lumpur menunjukkan pertumbuhan harga yang kukuh, iaitu di Lucky Garden, Bandar Manjalara dan Taman Shamelin Perkasa, masing-masing mencapai peningkatan harga sebanyak 17%, 12.8% dan 14.7%. Begitu juga, harga pasaran untuk kedai dua dan tiga tingkat di Selangor, Johor dan Pulau Pinang menunjukkan peningkatan marginal di beberapa daerah. Walau bagaimanapun, beberapa skim lain juga mengalami trend penurunan harga, kebanyakannya kurang daripada 10%.

Price

The prices of shops are largely stable, with some areas recording mixed performances. Upward price trends showed in strategic and well-established commercial areas across major states. Prices of double storey in WP Kuala Lumpur showed strong price growth, namely in Lucky Garden, Bandar Manjalara, and Taman Shamelin Perkasa, fetching price increases of 17%, 12.8%, and 14.7%, respectively. Similarly, market prices for double and three storey shops in Selangor, Johor, and Pulau Pinang showed a marginal increase across several districts. However, several other schemes also experienced a downward price trend, mostly less than 10%.

Sewa

Sewaan bagi kedai tingkat bawah pada umumnya stabil, dengan beberapa kenaikan pergerakan sewa direkodkan di pusat bandar terpilih. WP Kuala Lumpur terus mencatatkan kadar sewa tertinggi dalam negara, dengan sewa bulanan mencecah sehingga RM30,000 di Changkat Bukit Bintang. Kawasan-kawasan penting lain, seperti Jalan Tuanku Abdul Rahman, mengalami kadar sewa bulanan antara RM17,000 dan RM34,000, manakala Bangsar Baru mencatatkan kadar sewa antara RM15,000 hingga RM19,000 sebulan. Di Selangor, peningkatan sewa telah direkodkan di beberapa skim dalam daerah Petaling dan Hulu Langat. Sementara itu, Bandar Setia Alam mencapai kadar sewa yang tertinggi, antara RM7,000 dan RM8,500 sebulan.

Di Wilayah Selatan, sewa tingkat bawah kedai di Johor Bahru sebahagian besarnya kekal stabil, dengan beberapa pergerakan menaik di kawasan terpilih. Kadar sewa di Jalan Tun Abdul Razak mengalami kenaikan sewa sebanyak 7.7% dengan sewa bulanan antara RM3,000 hingga RM4,000. Jalan Wong Ah Fook mencatat kadar sewa tertinggi di Johor Bahru, antara RM7,500 hingga RM9,500 sebulan.

Begitu juga, Pulau Pinang beberapa kawasan menunjukkan pertumbuhan sewa yang sederhana. Di daerah Timur Laut, sewa bulanan di Jalan Perak meningkat 8.4%, dengan kadar sewa antara RM3,500 hingga RM4,700. Kedai tingkat bawah di Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Selatan juga mengalami kenaikan sewa antara 2.2% hingga 15.2%.

2.2.2 Pangsapuri Khidmat

Transaksi

Pada tahun 2025, aktiviti pasaran pangsapuri khidmat kekal kukuh. Sebanyak 14,917 transaksi bernilai RM12.91 bilion direkodkan, menunjukkan peningkatan bilangan 3.7%, manakala nilai meningkat ketara sebanyak 21.9% berbanding 2024 (14,386 transaksi bernilai RM10.59 bilion). Bilangan transaksi kekal tertumpu di WP Kuala Lumpur, Selangor dan Johor, dengan WP Kuala Lumpur terus sebagai penyumbang utama, mencakupi 41.8% daripada jumlah keseluruhan negara. Antara jenis harta dalam transaksi harta tanah komersial, pangsapuri khidmat menyumbang kepada bilangan dan nilai transaksi, masing-masing sebanyak 32% dan 22%.

Rental

Rentals for ground floor shops were generally stable, with several upward movements recorded in selected urban centers. WP Kuala Lumpur continued to record the highest rental rates in the country, with monthly rentals reaching up to RM30,000 at Changkat Bukit Bintang. Other prominent areas, such as Jalan Tuanku Abdul Rahman, experienced monthly rental rates ranging between RM17,000 and RM34,000, while Bangsar Baru observed rental rates from RM15,000 to RM19,000 per month. In Selangor, upward rental increases were recorded in the Petaling and Hulu Langat districts for several schemes. Meanwhile, Bandar Setia Alam achieved highest rental rates, ranging between RM7,000 and RM8,500 per month.

In the Southern Region, rental for ground-floor shops in Johor Bahru remained largely stable, with some upward movements in selected areas. Rental rates at Jalan Tun Abdul Razak experienced a rental increase of 7.7% with monthly rentals ranging between RM3,000 and RM4,000. Jalan Wong Ah Fook recorded the highest rental rates in the district, ranging from RM7,500 to RM9,500 per month.

Similarly, Pulau Pinang showed modest rental growth across several areas. In the Timur Laut district, monthly rentals in Jalan Perak rose by 8.4%, with rates ranging from RM3,500 to RM4,700. Ground-floor shops in Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Utara, and Seberang Perai Selatan also experienced rental increases between 2.2% and 15.2%.


2.2.2 Serviced Apartment

Transaction

In 2025, the serviced apartments market activity remained strong. A total of 14,917 transactions worth RM12.91 billion were recorded, showing an increase of 3.7% in volume, while value increase significantly by 21.9%, compared to 2024 (14,386 transactions worth RM10.59 billion). Transaction volume remained concentrated in WP Kuala Lumpur, Selangor, and Johor, with WP Kuala Lumpur continued as the largest contributor, accounting for 41.8% of the national total. Among the property types in commercial property transactions, serviced apartments contributed for 32% and 22% of the total volume and value transactions, respectively.

Chart 29

Serviced Apartment Transactions Volume 2021 – 2025



Status Pasaran

Dalam tahun 2025, prestasi unit siap dibina tidak terjual bagi pangsapuri khidmat bertambah baik. Terdapat 18,752 unit telah direkodkan, bernilai RM15.42 bilion, menunjukkan penurunan sedikit 4.2% dari segi bilangan dan 1.7% dari segi nilai berbanding tahun 2024. Johor muncul sebagai negeri yang mempunyai bilangan unit siap dibina tidak terjual tertinggi, menyumbang lebih daripada 50% daripada jumlah keseluruhan, kebanyakannya di daerah Johor Bahru. WP Kuala Lumpur turut sama menyumbang 21.1% lagi daripada jumlah unit tidak terjual. Dalam perkembangan yang lebih baik, bilangan unit siap dibina tidak terjual di Johor Bahru terus menurun dari tahun ke tahun.

Prestasi mengikut julat harga, kebanyakan unit siap dibina tidak terjual kekal dalam lingkungan harga antara RM500,001 dan RM1 juta, menyumbang 55.8% (10,469 unit) daripada jumlah keseluruhan, diikuti dengan julat harga melebihi RM1 juta, menyumbang 24.5% (4,599 unit), manakala unit siap dibina tidak terjual di bawah RM500,000 membentuk 19.7% lagi (3,684 unit).

Sebaliknya, unit dalam pembinaan belum terjual dan unit belum dibina belum terjual menunjukkan peningkatan bilangan, masing-masing meningkat sebanyak 66.2% dan 49.3%. Selangor mengekalkan bilangan unit dalam pembinaan belum terjual tertinggi, menyumbang 36.5%, diikuti WP Kuala Lumpur yang membentuk sebanyak 19.1%.

Chart 30

Serviced Apartment Transactions Value 2021 – 2025



Market Status

In 2025, the performance of unsold completed units for serviced apartments improved. There were 18,752 units recorded, valued at RM15.42 billion, showing a slight decline of 4.2% in volume and 1.7% in value compared with 2024. Johor emerges as having the highest number of unsold completed units, contributing more than 50% of the total, mostly in the Johor Bahru district. WP Kuala Lumpur follows suit, contributing another 21.1% of the total unsold units. On a better note, the unsold completed units in Johor Bahru continued to decline year by year.

By price range, most of the unsold completed units remained in price brackets between RM500,001 and RM1 million, accounting for 55.8% (10,469 units) of the total, followed by the price range above RM1 million, contributing 24.5% (4,599 units), while unsold completed units below RM500,000 formed another 19.7% (3,684 units).

On the other hand, the unsold under construction and unsold not constructed showed increasing numbers, up by 66.2% and 49.3%, respectively. Selangor sustained the highest number of unsold under construction units, contributing 36.5% share, followed by WP Kuala Lumpur, which formed another 19.1%.

Chart 31

Serviced Apartment Unsold Completed Units 2021 – 2025





Chart 32

Serviced Apartment Unsold Units 2021 – 2025



Aktiviti Pembinaan


Prestasi aktiviti pembinaan menunjukkan tanda sederhana, mencerminkan persekitaran pembangunan yang lebih berhati-hati. Unit siap dibina dan penawaran baharu dirancang menurun masing-masing sebanyak 22.3% dan 12.6%. Sementara itu, unit mula dibina meningkat sebanyak 13.7%. Sehingga akhir tahun, jumlah unit pangsapuri khidmat sedia ada melebihi 470,000 unit, dengan 172,594 unit dalam penawaran akan datang dan lebih daripada 126,000 unit dalam penawaran yang dirancang.

Construction Activity

The performance of construction activity showed signs of moderation, reflecting a more cautious development environment. Completion and new planned supply units declined by 22.3% and 12.6%, respectively. Meanwhile, starts rose by 13.7%. As of year-end, the total of existing serviced apartment units exceeded 470,000 units, with 172,594 units in the incoming supply and more than 126,000 units in the planned supply.

Chart 33

Serviced Apartment Construction Activity 2021 – 2025



Harga

Pergerakan harga pangsapuri khidmat secara amnya kekal stabil, dengan turun naik terutamanya diperhatikan di lokasi tertentu. WP Kuala Lumpur terus mencatatkan harga tertinggi dalam negara, sebagaimana dicerminkan daripada transaksi utama di lokasi terpilih, termasuk Four Seasons Place, yang menrekodkan harga antara RM10 juta hingga RM14.5 juta, dan The St. Regis Kuala Lumpur menunjukkan transaksi mencecah sehingga RM8.76 juta. Sementara itu, trend harga di Selangor sebahagian besarnya stabil, dengan beberapa daerah mencatatkan peningkatan marginal, kebanyakannya di bawah 10%, dan harga kebanyakannya dalam julat yang lebih rendah iaitu kurang RM2 juta.

Pergerakan harga juga direkodkan di Johor. R & F Tanjung Puteri (Fasa 1 dan 2) mencatatkan kenaikan harga dua digit sebanyak 11.5% dan dipindah milik antara RM1.22 dan RM1.36 juta. Sementara itu, harga pangsapuri khidmat di Pulau Pinang secara amnya stabil. Pertumbuhan harga yang ketara sebanyak 10.1% direkodkan di The Tamarind, yang dipindah milik antara RM735,000 hingga RM1,000,000. Walau bagaimanapun, penurunan harga juga diperhatikan dalam skim terpilih di pelbagai negeri, mencerminkan trend pasaran masih tidak menentu dalam keadaan ekonomi yang mencabar.

Sewa

Pasaran sewa sebahagian besarnya stabil, dengan beberapa trend menaik disaksikan di beberapa skim, terutamanya di lokasi terkemuka dan strategik. Di WP Kuala Lumpur, beberapa skim mencatatkan peningkatan sewa melebihi 10%, iaitu Vue Residence, Setia Sky Residence, Arcoris, dan KL Gateway. Kadar sewa tertinggi direkodkan di Residensi Sentral dan Pavilion Residences, dengan sewa bulanan antara RM5,800 dan RM9,500. Walau bagaimanapun, keadaan sewa berbeza di Selangor, kebanyakan sewa stabil dengan beberapa kenaikan marginal di beberapa skim. Kadar sewa tertinggi dicatatkan di Isola Subang Jaya, dengan sewa bulanan antara RM3,500 hingga RM4,000.

Price

Price movements of serviced apartments remained generally stable, with fluctuations mainly observed in selected locations. WP Kuala Lumpur continued to command the highest prices nationwide, as reflected by premium transactions in selected locations, including Four Seasons Place, which recorded prices ranging from RM10 million to RM14.5 million, and The St. Regis Kuala Lumpur, where transactions price reached up to RM8.76 million. Meanwhile, price trends in Selangor were largely stable, with several districts registering marginal increases, mostly below 10%, and prices predominantly within the lower range of under RM2 million.

Price movements were also recorded in Johor. R & F Tanjung Puteri (Fasa 1 and 2) recorded a double-digit price increase of 11.5% and transacted between RM1.22 and RM1.36 million. Meanwhile, prices of serviced apartments in Pulau Pinang were generally stable. Notable price growth of 10.1% was recorded in The Tamarind, transacted ranging from RM735,000 to RM1,000,000. However, price declines were also observed in selected schemes across various states, reflecting that market trends remain fragmented amid challenging economic conditions.

Rental

The rental market was largely stable, with some upward trend witnessed in a few schemes, particularly in prominent and strategic locations. In WP Kuala Lumpur, several schemes fetching a rental increase exceeded 10% namely Vue Residence, Setia Sky Residence, Arcoris and KL Gateway. The highest rental rates observed at Residensi Sentral and Pavilion Residences with monthly rental between RM5,800 and RM9,500. Nevertheless, the rental situation differs in Selangor, which mostly stable with a few marginal increments in several schemes. The highest rental rates recorded in Isola Subang Jaya with monthly rental ranging from RM3,500 to RM4,000.

Di Johor Bahru, skim-skim yang terletak berhampiran pusat bandar dengan kebolehsampaian yang baik menikmati kenaikan harga sewa melebihi 10%, seperti Setia Sky 88 dan Meridin Bayvue. Kadar sewa tertinggi direkodkan di The Astaka @ 1 Bukit Senyum, antara RM4,500 hingga RM7,000 sebulan. Sementara itu, di Pulau Pinang, beberapa skim mengalami pertumbuhan sewa melebihi 7%, iaitu Art Sin Timur Laut, M Vista di Barat Daya, Pangsapuri Perkhidmatan Palma dan Pangsapuri Perkhidmatan Suasana, di Seberang Perai Selatan.

In Johor Bahru, those schemes located near urban centers and with good accessibility enjoy rental appreciation, exceeding 10%, such as Setia Sky 88 and Meridin Bayvue. The highest rental rates were observed at The Astaka @ 1 Bukit Senyum ranging rental rate between RM4,500 and RM7,000 per month. Meanwhile, in Pulau Pinang several schemes experienced a rental growth of more than 7%, namely Art Sin Timur Laut, M Vista in Barat Daya, Pangsapuri Perkhidmatan Palma and Pangsapuri Perkhidmatan Suasana in Seberang Perai Selatan.

2.2.3 Kompleks Perniagaan

Transaksi

Tahun kajian merekodkan beberapa transaksi kompleks perniagaan dengan nilai terkumpul RM3.48 bilion; kebanyakan transaksi adalah di Selangor, WP Kuala Lumpur, Johor, Pahang, Perak dan hanya satu di Sabah. Antara transaksi utama adalah seperti yang disenaraikan di bawah:

2.2.3 Shopping Complex

Transaction

The reviewed year recorded several shopping complex transactions with an accumulative worth of RM3.48 billion; mostly of the transactions were in Selangor, WP Kuala Lumpur, Johor, Pahang, Perak and only one in Sabah. Among the major transaction are as listed below:

Table 2

Summary of Major Sales 2025

No	State	Property	Location	Transaction Year	Consideration (RM)
1	WP Kuala Lumpur	Plaza 63	Jalan 3/108C, Taman Sungai Besi	2024	33,999,999
2	Selangor	AEON Mall Bukit Tinggi	Persiaran Batu Nilam, Bandar Bukit Tinggi, Klang	2025	680,000,000
3	Selangor	Paradigm Mall	Jalan SS 7/26a, SS7, Petaling Jaya	2025	600,000,000
4	Selangor	Kompleks PKNS	Persiaran Tasik, Seksyen 14, Shah Alam	2025	185,000,000
5	Selangor	SACC Mall	Jalan Perbandaran, Seksyen 14, Shah Alam	2025	133,000,000
6	Selangor	Jaya Shopping Centre	Jalan 14/17, Seksyen 14 Petaling Jaya	2025	100,000,000
7	Selangor	Kipmall Desa Coalfields	Jalan DC 4/5, Desa Coalfields, Sungai Buloh	2025	62,000,000
8	Selangor	Plaza Pelangi Astana	PJU 6, Persiaran Surian, Petaling Jaya	2025	25,850,000
9.	Johor	Paradigm Mall	Taman Bukit Mewah, Johor Bahru	2025	1,157,000,000
10.	Johor	Perling Mall	Jalan Persisiran Perling, Taman Perling, Johor Bahru	2025	54,184,000
11.	Perak	AEON Mall Taiping	Jalan Kamunting, Taiping	2025	147,000,000
12.	Perak	AEON Seri Manjung	Jalan Manjung Point 3, Seri Manjung	2025	138,000,000
13.	Perak	Pasaraya TF Value Mart	Pusat Perniagaan, Manjung Point Seksyen 1, Seri Manjung	2025	35,392,000
14.	Pahang	Lotus's Indera Mahkota	Lorong IM 8/3, Bandar Indera Mahkota	2025	39,000,000
15.	Pahang	Pasaraya TF	Jalan Sentral Triang 8, Sentral Triang	2025	13,750,000
16.	Pahang	Econsave Jengka	Jalan BDJS2, Bandar Tun Razak	2025	16,000,000
17.	Sabah	Bataras Hypermarket Tamparuli	Tamparuli	2025	6,100,000

Penghunan dan Ketersediaan Ruang

Prestasi kadar penghunan bagi kompleks perniagaan bertambah kukuh, terus meningkat kepada 78.9%, mencerminkan daya tahan pasaran. Sejumlah 17.41 juta m.p. ruang niaga sedia ada direkodkan daripada 996 kompleks perniagaan, didominasi oleh Selangor, WP Kuala Lumpur, dan Johor. Enam negeri mencapai kadar penghunan melebihi 80%, manakala Perlis mencatat kadar penghunan terendah dalam negara, kurang 50%.

Sejajar dengan itu, ketersediaan ruang berkurang kepada 3.68 juta m.p. daripada 787 bangunan di seluruh negara. Kadar ketersediaan menurun serentak kepada 21.1%. Berdasarkan ketersediaan ruang, Selangor mencatatkan bilangan tertinggi dalam negara, mendominasi 21% (0.77 juta m.p.) daripada jumlah keseluruhan negara, diikuti Johor dengan 17.1% (0.63 juta m.p.) dan Pulau Pinang dengan 15.5% (0.57 juta m.p.).

Occupancy and Space Availability

The performance of occupancy rate for the shopping complex strengthened, continued to rise by 78.9%, reflecting market resilience. A total of 17.41 million s.m. of existing retail space was recorded from 996 shopping complexes, dominated by Selangor, WP Kuala Lumpur, and Johor. Six states achieved occupancy rates exceeding 80%, while Perlis recorded the lowest occupancy rates in the country, below 50%.

Correspondingly, the available space is reduced to 3.68 million s.m. from the 787 buildings throughout the country. The availability rate decreased in tandem to 21.1%. Based on the availability of space, Selangor recorded the highest number in the country, dominating 21% (0.77 million s.m.) of the national total, followed by Johor with 17.1% (0.63 million s.m.) and Pulau Pinang with another 15.5% (0.57 million s.m.).

Chart 34

Supply and Occupancy Rate of Shopping Complex 2021 – 2025



Chart 35

Supply and Occupancy of Shopping Complex by State 2025





Chart 36

Supply and Availability of Shopping Complexes by State 2025



Aktiviti Pembinaan

Dalam tahun 2025, sebanyak 12 kompleks perniagaan baharu siap dibina, menambah lebih 314,000 m.p. ruang niaga ke dalam pasaran. Pembangunan yang siap dibina termasuk pusat membeli-belah, pasar raya besar dan arked. Sehingga akhir tahun, jumlah ruang niaga sedia ada berjumlah 17.41 juta m.p. di seluruh 996 kompleks perniagaan. Selain itu, 28 lagi kompleks dengan lebih 590,000 m.p. ruang niaga dalam penawaran akan datang, manakala 15 lagi kompleks, melebihi 410,000 m.p., berada dalam penawaran yang dirancang.

Kompleks perniagaan berikut siap dibina pada tahun 2025:

Construction Activity

In 2025, there were 12 new shopping complexes completed, adding more than 314,000 s.m. of retail space to the market. The completed developments included shopping centers, hypermarkets, and arcades. By year-end, the total existing retail space amounted to 17.41 million s.m. across 996 shopping complexes. Additionally, 28 more complexes with over 590,000 s.m. of retail space were in the incoming supply, while another 15 complexes, exceeding 410,000 s.m., were in the planned supply.

The following shopping complexes were completed in 2025:

Table 3

Summary of Completions 2025

No	State	Name of Building	Location	Nett Lettable Area (s.m.)
1	WP Kuala Lumpur	KLGCC Mall	Jalan Bukit Kiara 1, Bukit Kiara	21,368
2	Selangor	Hextar World at Empire City	Empire City, Jalan Damansara	125,419
3	Selangor	Sunway Square Mall	Jalan Lagoon Selatan, Bandar Sunway	29,357
4	Selangor	Sunsuria Forum Mall	Persiaran Setia Alam, Shah Alam	14,121
5	Selangor	Majestic Labs	Eco Majestic, Semenyih	10,520
6	Pulau Pinang	The Waterfront Shoppes	Jalan Pantai Sinaran, Gelugor	61,873
7	Pulau Pinang	Klippa Shopping Centre	Persiaran Cassia Barat 8, Bandar Cassia	7,108
8	Perak	Econsave Hutan Melintang	Lorong Lagenda 8, Section Medaniaga Lagenda	6,789

Table 3

Summary of Completions 2025

No	State	Name of Building	Location	Nett Lettable Area (s.m.)
9	Perak	Econsave Kuala Kangsar	Persiaran Penyayang, Taman Indah, Jalan Taiping – Kuala Kangsar	5,234
10	Perak	Bazar II @ Botani Village	Pusat Komersial Botani Village, Ipoh	3,549
11	Pahang	TF Value_Mart Jengka	Persiaran Miracle Sentral 1, Miracle Sentral, Bandar Tun Razak, Jengka	6,276
12	Perlis	Kangar Jaya Mall	Kangar Jaya, Jalan Kangar – Alor Setar	22,544
Total		12 complexes		314,158

Sewa

Pasaran sewa ruang niaga adalah kekal stabil. Walau bagaimanapun, pergerakan sewa yang positif berlaku di Lembah Klang, menunjukkan bahawa pasaran sewa kekal kukuh bagi kompleks perniagaan terpilih. Di WP Kuala Lumpur, peningkatan sewa yang ketara melebihi 11% telah direkodkan di beberapa pusat beli-belah terkemuka seperti Suria KLCC, The Linc KL, Avenue K dan KL East Mall. Pasaran sewa di Selangor sebahagian besarnya stabil dengan sedikit peningkatan sebanyak 2.5% hingga 9.8% direkodkan di kompleks terpilih, termasuk Citta Mall dan Starling Mall.

Selari dengan pasaran sewa keseluruhan, keadaan sewa di Johor dan Pulau Pinang sebahagian besarnya kekal stabil. Walau bagaimanapun, peningkatan sewa diperhatikan di kompleks terpilih, didorong oleh pembaharuan sewa dan lokasi strategik. Di Johor Bahru, kadar sewa yang lebih tinggi direkodkan di Larkin Sentral dan The Mall, Mid Valley Southkey. Sementara itu, Pulau Pinang juga mencatatkan peningkatan sewa lebih daripada 10% di beberapa tingkat di Lotus's Bagan Ajam dan Mydin Bertam.

2.2.4 Pejabat Binaan Khas

Transaksi

Pada tahun 2025, aktiviti pasaran merekodkan beberapa transaksi bangunan pejabat dengan nilai terkumpul melebihi RM2.08 bilion. Antara transaksi utama adalah seperti yang disenaraikan di bawah:

Rental

Rentals market of retail space remained stable. Nevertheless, positive rental movements observed in Klang Valley, indicating that rental market remains firm in selected complexes. In WP Kuala Lumpur, notable rental appreciation exceeding 11% was recorded at several prominent mall such as Suria KLCC, The Linc KL, Avenue K and KL East Mall. Rental market in Selangor largely stable with a slight increase of 2.5% to 9.8% recorded in selected complexes, including Citta Mall and Starling Mall.

In line with the overall rental market, conditions in Johor and Pulau Pinang remained largely stable. Nevertheless, rental increases were observed in selected complexes, driven mainly by rental renewals and strategic locations. In Johor Bahru, higher rental rates were recorded at Larkin Sentral and The Mall, Mid Valley Southkey. Meanwhile, Pulau Pinang also registered rental appreciations of more than 10% at several levels in Lotus's Bagan Ajam and Mydin Bertam.

2.2.4 Purpose-Built Office

Transaction

In 2025, market activity recorded several office building transactions with an accumulated value exceeded RM2.08 billion. Among the major transaction are as listed below:

Table 4

Summary of Major Sales 2025

No	State	Property	Location	Transaction Year	Consideration (RM)
1	WP Kuala Lumpur	Menara CIMB	Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral	2025	680,000,000
2	WP Kuala Lumpur	Wisma Technip	Jalan Tun Razak	2025	135,000,000
3	WP Kuala Lumpur	Menara Southern Bank	Jalan Medan Setia 1, Plaza Damansara	2025	91,344,233
4	WP Kuala Lumpur	Widad Business Group	Jalan Semantan, Bukit Damansara	2025	41,500,000
5	WP Kuala Lumpur	KSK Building	Jalan Yap Ah Shak, Kuala Lumpur	2025	33,000,000
6	WP Kuala Lumpur	Southbank Boutique Office - Block 6	Jalan Klang Lama	2025	29,500,000
7	WP Kuala Lumpur	Menara Affin	Jalan Raja Chulan, Kuala Lumpur	2024	100,000,000
8	WP Kuala Lumpur	SB-10 The Boulevard Signature Offices Mid Valley City	Jalan Lingkaran Syed Putra	2024	36,764,516
9	WP Kuala Lumpur	SB-09 The Boulevard Signature Offices Mid Valley City	Jalan Lingkaran Syed Putra	2024	23,235,484
10	Selangor	Basis Bay	Jalan Cyber Point 5, Cyberjaya	2024	55,613,000
11	Selangor	Menara Apex	Jalan Semenyih, Bandar Kajang	2023	55,000,000
12	Johor	Showroom & Office	Jalan Tun Razak, Johor Bahru	2025	26,000,000
13	Johor	Wisma AIA	Jalan Bukit Timbalan, Johor Bahru	2025	13,800,000
14	Johor	Bangunan Pelangi	Jalan Biru, Taman Pelangi, Johor Bahru	2024	21,500,000
15	Pulau Pinang	Wisma UMNO	Jalan Bagan Luar 2, Butterworth	2024	8,500,000
16	Melaka	Menara Pertam/ Wisma Amanah	Wisma Amanah, Jalan Batu Berendam	2024	27,260,000
17	Terengganu	Wisma Q	Jalan Engku SAR	2025	8,400,000
18	Sabah	Uni-Asia Building	Jalan Sagunting, Kota Kinabalu	2025	18,000,000
19	Sabah	Reflexologi	Jalan Pusat Pembangunan	2025	12,000,000
20	Sabah	Wisma Ting Hui	Jalan Lama Tamparuli, Pekan Tamparuli	2025	3,000,000

Kadar Penghunian dan Ketersediaan Ruang

Dalam tahun 2025, pasaran pejabat terus merekodkan prestasi yang stabil, dengan kadar penghunian kekal tidak berubah pada kadar 78.1%. Semua negeri mencatatkan kadar penghunian melebihi 80%, kecuali Selangor, WP Kuala Lumpur dan Johor.

Occupancy and Space Availability

In 2025, the office market continued to record stable performance, with occupancy rates sustained at 78.1%. All states secured a higher occupancy rate of more than 80%, except Selangor, WP Kuala Lumpur and Johor.

Dari segi bangunan pejabat milik persendirian, kadar purata penghunian kekal stabil pada 71.9%, yang diperoleh daripada 1,284 bangunan milik persendirian (18.58 juta m.p.). Terengganu memperoleh kadar penghunian tertinggi pada 92.5%, manakala Johor mencatatkan kadar penghunian terendah di negara ini iaitu hanya 55.1%. Antara negeri-negeri utama, WP Kuala Lumpur dan Johor mencatatkan kadar penghunian yang lebih rendah berbanding peringkat kebangsaan, masing-masing pada 70.9% dan 71.8%.

In terms of privately owned office buildings, the average occupancy rate remains stable at 71.9%, derived from 1,284 privately owned buildings (18.58 million s.m.). Terengganu secured the highest occupancy rate at 92.5%, while Johor registered the lowest occupancy rate in the country at just 55.1%. Among the major states, WP Kuala Lumpur and Selangor recorded lower occupancy rates than the national level at 70.9% and 71.8%, respectively.

Chart 37

Supply and Occupancy of Purpose-Built Office (Private & Government) 2021 – 2025



Chart 38

Supply and Occupancy of Purpose-Built Office (Private & Government) by State 2025





Chart 39

Supply and Availability of Private Purpose-Built Office by State 2025



Aktiviti Pembinaan

Dalam segmen pembangunan, aktiviti pembinaan menunjukkan peningkatan yang ketara, dibuktikan dengan peningkatan bilangan projek siap dibina, mula dibina dan penawaran baharu dirancang. Sepanjang tempoh kajian, terdapat 12 bangunan pejabat baharu siap dibina, menawarkan sejumlah 312,815 m.p. ruang pejabat ke dalam pasaran.

Sehingga akhir tahun, jumlah ruang pejabat sedia ada hampir 25 juta m.p. daripada 1,866 bangunan. Penawaran akan datang merekodkan hampir 1.1 juta m.p. daripada 38 bangunan, manakala penawaran yang dirancang mencatatkan lebih daripada 0.3 juta m.p. WP Kuala Lumpur kekal sebagai penyumbang tertinggi untuk ruang pejabat dalam negara, menyumbang lebih 10 juta m.p. (461 bangunan) dalam pasaran sedia ada, dengan 18 bangunan lagi dalam penawaran akan datang.

Bangunan pejabat berikut siap dibina pada tahun 2025:

Construction Activity

In the development segment, construction activity showed notable improvement, marked by higher numbers of buildings completion, constructions start, and new planned supply. During the review period, a total of 12 new office buildings were completed, offering a total of 312,815 s.m. of office space to the market.

As of year-end, the total existing office space is nearly 25 million s.m. from 1,866 buildings. The incoming supply recorded almost 1.1 million s.m. from 38 buildings, while the planned supply registered more than 0.3 million s.m. WP Kuala Lumpur remained the highest contributor for office space in the country, accounting for more than 10 million s.m. (461 buildings) in the existing market, with another 18 buildings in the incoming supply.

The following office buildings were completed in 2025:

Table 5

Summary of Completions 2025

No	State	Name of Building	Location/ Mukim/ District	Category	Nett Lettable Area (s.m.)
1	WP Kuala Lumpur	TNB Gold	Jalan Pantai Baharu	Private Building	48,330
2	WP Kuala Lumpur	Oxley Towers	Jalan Ampang	Private Building	33,000
3	WP Kuala Lumpur	The Exchange TRX Campus Office	Persiaran TRX Timur, Tun Razak Exchange	Private Building	25,529

Table 5

Summary of Completions 2025

No	State	Name of Building	Location/ Mukim/ District	Category	Nett Lettable Area (s.m.)
4	Selangor	Sunway Square Corporate Tower 2	Jalan Lagoon Selatan, Bandar Sunway	Private Building	50,074
5	Selangor	Sunway Square Corporate Tower 1	Jalan Lagoon Selatan, Bandar Sunway	Private Building	40,180
6	Selangor	Menara Sunsuria @ Sunsuria Forum	Persiaran Setia Alam	Private Building	32,906
7	Johor	Mid Valley Southkey Office Tower (South Tower)	Jalan Bakar Batu	Private Building	28,200
8	Johor	Majlis Perbandaran Kluang	Bandar New Park Kluang	Government Building	10,309
9	Perak	Oxpoint Office Tower @ Piccadilly Greentown	Jalan Ashman Shah	Private Building	4,838
10	Pulau Pinang	Ideal MSC Tower	Jalan Tun Dr Awang	Private Building	30,915
11	Pulau Pinang	Bangunan Kementerian Sumber Manusia Pulau Pinang	Pengkalan Weld	Government Building	1,545
12	Sarawak	Unifor Complex	Jalan Ong Tiang Swee, Kuching	Government Building	6,989
Total		12 buildings			312,815

Harga

Harga unit pejabat di seluruh negeri utama menunjukkan trend bercampur-campur semasa tempoh kajian. Aktiviti transaksi kekal tertumpu di negeri-negeri utama, terutamanya di WP Kuala Lumpur dan Selangor, dengan WP Kuala Lumpur menguasai harga tertinggi. Beberapa harga transaksi yang tinggi termasuk Pavilion Damansara Heights yang dipindah milik antara RM15,300 s.m.p. hingga RM16,400 s.m.p., Suasana Bukit Ceylon (RM15,300 s.m.p. hingga RM21,500 s.m.p.), dan KL Eco City (RM13,300 s.m.p. hingga RM19,000 s.m.p.).

Di Selangor, harga pejabat sebahagian besarnya kekal stabil, dengan turun naik harga yang minimum. Pinnacle Kelana Jaya mencatatkan peningkatan harga marginal sebanyak 6.9% dan dipindah milik sekitar RM9,800 s.m.p. hingga RM9,900 s.m.p. Walau bagaimanapun, 8Trium @ Sri Damansara mengalami penurunan sederhana sebanyak 4.7%. Sementara itu, di Wilayah Selatan dan Utara, pasaran ruang pejabat kekal minima.

Price

Office unit prices across major states exhibited mixed trends during the review period. Transaction activity remained concentrated in major states, particularly in WP Kuala Lumpur and Selangor, with WP Kuala Lumpur commanding the highest prices. Several notable transaction prices included Pavilion Damansara Heights transacted between RM15,300 p.s.m. and RM16,400 p.s.m., Suasana Bukit Ceylon (RM15,300 to RM21,500 p.s.m.), and KL Eco City at (RM13,300 p.s.m. to RM19,000 p.s.m.).

In Selangor, office prices remained largely stable, with minimal fluctuations in pricing. Pinnacle Kelana Jaya recorded a marginal price increase of 6.9% and transacted at around RM9,800 p.s.m to RM9,900 p.s.m. Nevertheless, 8Trium @ Sri Damansara experienced a modest decline of 4.7%. Meanwhile, in the Southern and Northern regions, the office space market remained minimal.

Sewa

Pasaran sewa pejabat terus menunjukkan keadaan yang stabil, disokong oleh permintaan terpilih dan ruang yang terletak dilokasi yang strategik. Di Lembah Klang, pergerakan sewa secara amnya sederhana merentasi subpasaran. Beberapa bangunan terkemuka di WP Kuala Lumpur, termasuk Menara Berkembar Petronas, Pusat UOA, Menara JKG dan Kompleks Pertama, mencatatkan peningkatan sewa lebih 8%. Walau bagaimanapun, beberapa bangunan lain turut mengalami penurunan sewa semasa tempoh kajian.

Pasaran sewa pejabat di Selangor, Johor, dan Pulau Pinang juga menunjukkan pergerakan bercampur-campur. Di Selangor, beberapa peningkatan sewa melebihi 5.0% telah direkodkan di beberapa bangunan seperti Damansara Uptown 2 dan 5, Menara CP, Wisma Kam Toh, dan Wisma TNB. Sementara itu di Johor Bahru, pertumbuhan sewa yang ketara melebihi 20% telah direkodkan beberapa tingkat di Menara Jland, manakala bangunan lain kekal stabil. Pasaran sewa di Pulau Pinang juga mencatatkan pertumbuhan sewa yang sederhana sebanyak 3.5% hingga 7.5%, termasuk KOMTAR, Wisma Kinta, Wisma Leader dan Menara BHL.

2.2.5 Harta Tanah Riadah

Transaksi

Beberapa transaksi harta tanah riadah direkodkan pada tahun 2025, dengan nilai keseluruhan hampir RM1.4 bilion. Transaksi ini termasuk hotel, pusat peranginan dan chalet. Antara transaksi utama adalah disenaraikan di bawah:

No	State	Property	Location	Transaction Year	Consideration (RM)
1	WP Kuala Lumpur	Corus Hotel	Jalan Ampang	2025	260,000,000
2	WP Kuala Lumpur	Pavilion Hotel Kuala Lumpur	Jalan Bukit Bintang	2024	340,000,000
3	WP Kuala Lumpur	Banyan Tree Kuala Lumpur	Jalan Conlay	2024	140,000,000
4	Selangor	E-City Hotel (Seeds Hotel)	Jalan USJ 25/1	2025	45,000,000
5	Selangor	Klang Histana Hotel	Jalan Batu Tiga Lama, Klang	2025	32,800,000
6	Johor	Thistle Hotel	Jalan Sg Chat, Johor Bahru	2025	150,000,000

Rental

The office rental market continued to show stable conditions, underpinned by selective demand, and strategically located spaces. In the Klang Valley, rental movements were generally moderate across the submarket. Several prominent buildings in WP Kuala Lumpur, including Petronas Twin Tower, UOA Centre, Menara JKG, and Pertama Complex, recorded rental increases of over 8%. However, some other buildings experienced rental declines during the review period.

The office rental market in Selangor, Johor, and Pulau Pinang also exhibited mixed movements. In Selangor, several rental appreciations exceeding 5.0% were recorded in several buildings such as Damansara Uptown 2 and 5, Menara CP, Wisma Kam Toh, and Wisma TNB. Meanwhile, in Johor Bahru, a notable rental growth of more than 20% was recorded in Menara Jland for its several levels, while other buildings remained stable. The rental market in Pulau Pinang also charted a moderate rental growth of 3.5% to 7.5%, including KOMTAR, Wisma Kinta, Wisma Leader and Menara BHL.

2.2.5 Leisure Property

Transaction

Several leisure property transactions were recorded in 2025, with a total accumulate value nearly RM1.4 billion. These transactions included hotels, resorts, and chalets. Among the major transactions are listed below:

Table 6

Summary of Major Sales 2025

No	State	Property	Location	Transaction Year	Consideration (RM)
7	Johor	Timotel Hotel	Bandar Mersing	2025	4,850,000
8	Perak	Pi Hotel	Jalan Horley/ Veerasamy, Ipoh	2024	16,142,088
9	Pulau Pinang	Hotel T+	Jalan Kampung Gajah, Bandar Butterworth	2025	7,500,000
10	Pulau Pinang	Vouk Hotel Suites	Jalan Sultan Ahmad Shah, George Town	2024	80,000,000
11	Negeri Sembilan	Seri Nilai Hotel	Bandar Baru Nilai	2023	4,000,000
12	Pahang	Endrong Resort	Persiaran Endrong	2025	3,800,000
13	Pahang	Mandurah Hotel	Pantai Beserah, Jalan Kuantan - Kemaman	2024	14,780,000
14	Kedah	Rumah Kedah	Sri Chenang, Off Jalan Kuala Muda	2025	5,000,000
15	Sabah	Holiday Park Hotel	Jalan Penampang	2025	7,000,000
16	Sarawak	Borneo Garden Hotel 1	Jalan Rock	2025	7,200,000

Aktiviti Pembinaan

Aktiviti pembinaan terus mencatatkan momentum pertumbuhan, didorong oleh peningkatan bilangan hotel baharu siap dibina dan penawaran baharu dirancang, masing-masing menyumbang 23.3% dan lebih tiga kali ganda berbanding tahun 2024. Terdapat 13 hotel baharu siap dibina dengan jumlah 2,947 bilik memasuki pasaran. Penawaran baharu dirancang juga meningkat kepada 1,671 bilik, manakala mula dibina menurun sebanyak 49.4% kepada 407 bilik.

Sehingga hujung tahun, terdapat 3,634 hotel/ resort di seluruh negara yang menawarkan 298,116 bilik dalam penawaran sedia ada, 64 hotel/ resort (11,399 bilik) dalam penawaran akan datang, dan 31 hotel/ resort di peringkat penawaran dirancang, dijangkakan sebanyak 5,213 bilik bertambah pada masa hadapan.

Construction Activity

The construction activity continued to record growth momentum, driven by higher numbers of new hotel completions and new planned supply, accounting for 23.3% and more than triple, respectively, compared to 2024. There were 13 new hotels completed with a total of 2,947 rooms entering the market. New planned supply also increased to 1,671 rooms, while starts declined by 49.4% to 407 rooms.

As of year-end, there were 3,634 hotels/ resorts across the country offering 298,116 rooms in the existing stock, 64 hotels/ resorts (11,399 rooms) in the incoming supply, and 31 hotels/ resorts in the planned supply stage, anticipated by 5,213 rooms adding in the future.

Hotel/ resort baharu yang siap dibina pada tahun 2025 adalah seperti berikut:

The newly completed hotels/ resorts in 2025 are as follows:

Table 7
Summary of Completions 2025

No	State	Name of Hotel	No. of Room
1	WP Kuala Lumpur	Hotel Bandar	45
2	WP Kuala Lumpur	Pavilion Damansara Heights Hotel	140
3	WP Kuala Lumpur	Seeds Hotel Premier Sri Petaling, Jalan Radin Anum	168
4	WP Kuala Lumpur	Oxley Hotel	226
5	Johor	Sin Lien Hotel, Taman Kluang Baru	19
6	Johor	Kluang Container Hotel. Taman Bersatu, Kluang	16
7	Pulau Pinang	Fifth Avenue Hotel & Suites, Timur Laut	241
8	Melaka	Birkin International Hotel, Melaka Tengah	300
9	Melaka	Birkin International Hotel (Tower B), Melaka Tengah	647
10	Melaka	Birkin International Hotel (Tower A), Melaka Tengah	687
11	Sabah	Seafest Regency Hotel, Bahagian Tawau	136
12	Sabah	The City Inn Hotel, Pantai Barat Selatan	159
13	Sabah	The Majulan Hotel, Pantai Barat Selatan	163
Total		13 hotels	2,947

2.3 HARTA TANAH INDUSTRI

Transaksi

Subsektor perindustrian terus mengukuh, didorong oleh pertumbuhan dalam aktiviti pasaran. Sebanyak 8,910 transaksi bernilai RM33.8 bilion telah direkodkan, mencerminkan peningkatan sebanyak 1.4% dalam bilangan dan 21.3% dalam nilai berbanding tahun 2024. Nilai transaksi menyaksikan pertumbuhan yang ketara, disokong oleh permintaan mampan dalam segmen bernilai tinggi, menunjukkan peningkatan keyakinan pelabur di lokasi industri yang strategik. Pertumbuhan dalam pasaran harta tanah industri ini disokong oleh Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) dan Rancangan Malaysia Ketiga Belas.

Mengikut jenis harta, permintaan kekal tertumpu pada unit teres atau gudang, merangkumi 33.3% daripada jumlah transaksi. Sementara itu, plot kosong dan kilang berkembar juga mencatatkan transaksi lebih tinggi, masing-masing menyumbang 27.1% dan 21.8%. Selangor penyumbang paling banyak transaksi mendominasi 35.7%, diikuti oleh Johor menyumbang 18.1%. Keadaan ini mencerminkan transaksi tertentu bagi logistik, pembuatan dan kemudahan berkaitan data mempunyai permintaan yang kukuh di lokasi terpilih.

2.3 INDUSTRIAL PROPERTY

Transaction

The industrial sub-sector continued to strengthen, driven by growth in market activity. A total of 8,910 transactions worth RM33.8 billion were recorded, reflecting an increase of 1.4% in volume and 21.3% in value compared to 2024. The transactions value witnessed a notable growth, driven by sustained demand in high value segments, indicating growing investor confidence in strategic industrial locations. Growth in the industrial property market is fully supported by the New Industrial Master Plan 2030 (NIMP 2030) and the Thirteenth Malaysia Plan.

By property type, demand remained focused on terraced or warehouse units, which made up 33.3% of the total transactions. Meanwhile, the vacant plot and semi-detached factory also recorded higher transactions, accounting for 27.1% and 21.8%, respectively. Selangor contributed the most, dominating 35.7%, followed by Johor, which contributed 18.1%. This reflects selective transactions indicating sustained demand for logistics, manufacturing, and data-related facilities in selected locations.

Chart 40

Industrial Transactions Volume 2021 - 2025




Chart 41

Industrial Transactions Value 2021 - 2025





Chart 42

Top 10 List Industrial Transactions by State 2025



Status Pasaran

Prestasi unit industri siap dibina tidak terjual sederhana. Sebanyak 722 unit siap yang tidak terjual telah direkodkan, bernilai RM789.74 juta, menunjukkan peningkatan marginal sebanyak 2.4% dalam bilangan dan 12.8% dalam nilai berbanding tahun 2024. Dalam perkembangan yang sama, unit dalam pembinaan belum terjual juga meningkat sebanyak 27.1%. Sebaliknya, unit belum dibina belum terjual bertambah baik apabila bilangan menurun 34.7% kepada 132 unit (2024:202 unit).

Prestasi siap dibina tidak terjual mengikut negeri menunjukkan Sarawak kekal sebagai penyumbang terbesar kepada unit siap dibina tidak terjual, mendominasi 35% daripada jumlah keseluruhan. Mengikut jenis harta, kilang teres dan berkembar membentuk sebahagian besar daripada jumlah siap dibina tidak terjual.

Market Status

The performance of industrial unsold completed units moderated. A total of 722 unsold completed units were recorded, worth RM789.74 million, indicating a marginal increase of 2.4% in volume and 12.8% in value compared to 2024. On a similar note, the unsold under construction also rose by 27.1%. In contrast, the unsold, not constructed units improved, as the numbers declined by 34.7% to 132 units (2024: 202 units).

Unsold completed performance by state witnessed Sarawak remained as the largest contributor to the unsold completed units, dominating with nearly 35% of the total. By property type, terraced and semi-detached factories formed the bulk of the unsold completed total.

Chart 43

Industrial Unsold Completed Units 2021 – 2025





Chart 44

Industrial Unsold Units 2021 – 2025



Aktiviti Pembinaan


Dari segi pembinaan, subsektor industri kekal minimum. Unit siap dibina dan penawaran baharu dirancang masing-masing meningkat 2.2% dan 47.3%. Sebaliknya, unit mula dibina merosot kepada sebanyak 11.3% kepada 899 unit. Sehingga akhir tahun 2024, penawaran sedia ada unit industri melebihi 125,000 unit, dengan lebih 3,500 unit dalam penawaran akan datang dan 3,437 unit dalam penawaran akan datang.

Construction Activity

On the construction front, the industrial sub-sector remained minimal. Completions and new planned supply increased by 2.2% and 47.3%, respectively. Contrarily, starts declined by 11.3% to 899 units. As of year-end 2024, the existing industrial units exceed 125,000 units, with more than 3,500 units in the incoming supply and 3,437 units in the planned supply.

Chart 45

Industrial Construction Activity 2021 – 2025



Harga

Pasaran industri Malaysia menunjukkan momentum yang stabil, disokong oleh transaksi bernilai tinggi dan peningkatan permintaan untuk gudang dan kemudahan penyimpanan, di samping pengembangan berterusan sektor e-dagang dan pusat data. Selangor kekal sebagai hab utama aktiviti perindustrian berskala besar, mengalami turun naik harga yang ketara di seluruh daerah. Peningkatan nilai harga antara 2.2% dan 8.5% telah direkodkan untuk kilang teres satu setengah tingkat, dengan harga transaksi mencecah RM3.53 juta.

Sementara itu, di Johor, aktiviti transaksi kekal tertumpu di Johor Bahru dan Kulai, didorong oleh peningkatan permintaan industri bernilai tinggi dan plot industri berkaitan dengan gudang dan pusat data. Peningkatan harga marginal sebanyak 2.1% hingga 6.3% telah direkodkan bagi kilang berkembar satu setengah tingkat di Johor Bahru dan Kulai, dipindah milik setinggi RM8.8 juta. Begitu juga, di Pulau Pinang, jenis harta tanah yang serupa di Seberang Perai Tengah mengalami kenaikan harga marginal sebanyak 2.6% kepada 8.2% dan dipindah milik antara RM1.23 dan RM3.75 juta.

2.4 HARTA TANAH PERTANIAN

Transaksi

Prestasi subsektor pertanian mengalami momentum trend penurunan. Terdapat 76,656 transaksi bernilai RM17.78 bilion direkodkan, masing-masing menunjukkan penurunan bilangan dan nilai sebanyak 2.7% dan 9.2%. Penglibatan terhadap aktiviti pasaran keseluruhan, subsektor tanah pertanian mendominasi 18.4% daripada jumlah keseluruhan transaksi. Namun begitu, sumbangan kepada nilai transaksi kekal minima, hanya 7.4% daripada jumlah keseluruhan.

Mengikut negeri, bilangan transaksi tertinggi tertumpu di Kedah dan Perak, masing-masing menyumbang 18% (13,777 transaksi) dan 16.4% (12,607 transaksi), daripada jumlah transaksi pertanian. Dari segi nilai, Johor mendahului pasaran dengan 24%, diikuti Perak, yang menyumbang 15.6%.

Dalam tempoh kajian, beberapa transaksi tanah ladang telah direkodkan, dengan gabungan nilai RM3.29 bilion. Antara transaksi utama tanah ladang yang direkodkan termasuklah Sabah dengan 34 transaksi, diikuti Perak (11 transaksi) dan Johor (10 transaksi). Sebagai tambahan 6 transaksi lagi telah direkodkan di Negeri Sembilan, Kedah (5 transaksi), Pahang (3 transaksi) dan satu di Sarawak dan Pulau Pinang.

Price

Malaysia's industrial market showed steady momentum, supported by high-value transactions and rising demand for warehouses and storage facilities, alongside continued expansion of the e-commerce sector and data centers. Selangor remained the main hub of large-scale industrial activity, experiencing greater price fluctuations across its districts. Capital appreciations of between 2.2% and 8.5% were recorded for one and a half storey terraced factory, with transaction prices reaching up RM3.53 million.

Meanwhile, in Johor, transaction activity remained concentrated in Johor Bahru and Kulai, driven by growing high-value industrial demand and industrial plots related to warehouses and data centers. A marginal price increase of 2.1% to 6.3% was recorded for one and a half storey semi-detached factories in Johor Bahru and Kulai, transacted as high as RM8.8 million. Likewise, in Pulau Pinang, similar property types in Seberang Perai Tengah experienced a marginal upward movement of 2.6% to 8.2% and were transacted at between RM1.23 and RM3.75 million.

2.4 AGRICULTURE PROPERTY

Transaction

The performance of the agriculture sub-sector experienced downward trend momentum. There were 76,656 transactions worth RM17.78 billion recorded, indicating a decline of 2.7% and 9.2% in volume and value, respectively. Contributing to overall market activity, the sub-sector dominates 18.4% of the total transaction volume. Nevertheless, the contribution to the transaction value remains minimal, just 7.4% of the national total.

By state, the highest transaction volume is concentrated in Kedah and Perak, accounting for 18% (13,777 transactions) and 16.4% (12,607 transactions), respectively, of the total agriculture transactions. In terms of value, Johor led the market with 24%, followed by Perak, which contributed 15.6%.

During the review period, several estate land transactions were recorded, with a combined value RM3.29 billion. Among the major estate land transactions including Sabah with 34 transactions, followed by Perak (11 transactions) and Johor (10 transactions). Additionally, another 6 transactions were recorded in Negeri Sembilan, Kedah (5 transactions), Pahang (3 transactions), and one each in Sarawak and Pulau Pinang.

Chart 46

Agriculture Transaction Volume Trend 2021 - 2025





Chart 47

Agriculture Transaction Value Trend 2021 - 2025



Harga

Harga tanah pertanian secara amnya kekal stabil, dengan peningkatan diperhatikan di kawasan strategik yang menawarkan aksesibiliti yang baik dan berdekatan dengan kawasan pembangunan. Transaksi tanah estet tertumpu terutamanya di Sabah, di mana harga dipengaruhi oleh lokasi dan aksesibiliti jalan raya.

Di Wilayah Utara, harga harta tanah pertanian secara amnya kekal stabil, dengan hanya pergerakan marginal direkodkan di kawasan terpilih. Transaksi melibatkan tanah kelapa sawit dan getah aktif di Perak dan Kedah, dengan harga menunjukkan pergerakan bercampur-campur bergantung kepada lokasi. Sementara itu, trend harga kelapa sawit dan getah di Johor sebahagian besarnya kekal stabil, dengan beberapa pengecualian. Beberapa pergerakan harga positif direkodkan terutamanya di daerah Tangkak, Muar, Kluang dan Segamat.

Tanah padi kelas 1 kekal aktif di Perlis, mencatatkan peningkatan harga antara 3.6% hingga 19.6%, dengan harga transaksi antara RM153,000 dan RM488,000 sehektar. Sementara itu, tanah padi dua kali tanaman hadapan jalan di Kuala Muda, Kedah, mencapai harga tertinggi, dengan transaksi mencecah sehingga RM475,000 sehektar.

Price

Prices of agricultural land remained generally stable, with increases observed in strategically located areas offering good accessibility and proximity to development areas. Estate land transactions were mainly concentrated in Sabah, where prices were influenced by location and road accessibility.

In the Northern Region, agricultural property prices remained generally stable, with only marginal movements recorded in selected areas. Transactions involving oil palm and rubber land were active in Perak and Kedah, with prices showing mixed movements depending on location. Meanwhile, price trends for oil palm and rubber in Johor remained largely stable, with a few exceptions. Several positive price movements were mainly observed in the districts of Tangkak, Muar, Kluang, and Segamat.

